SEJAK 1971 SUARA DARI MENARA ILMU

BERITA KAMPUS

ISNIN 24 NOV 2014 | Jilid 44 Bil 5 | RM1.00 | beritakampus44@gmail.com | ISSN 1397-7443

LAPORAN KHAS | George Town: Warisan Malaysia untuk dunia | 10-11



SEKITAR KAMPUS
Cemerlang dalam akademik dan kokurikulum | 6



RENCANA
Dataran padi memukau pandangan| 12

Canselor: Gunakan ilmu untuk masyarakat dan negara

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei telah menerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Undang-Undang pada Upacara Konvokesyen Ke-50 Universiti Sains Malaysia (USM).

"Anugerah ini bukan sahaja mengiktiraf dan menghargai segala sumbangan Baginda atas kecemerlangan dan kegemilangan pemerintahan, tetapi juga dalam mengeratkan hubungan akrab di antara Malaysia dan Brunei Darussalam", titah Tuanku Canselor USM, Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail.

Sehubungan itu, Baginda berharap agar kerjasama pendidikan di antara universiti-universiti Malaysia dan Brunei akan menjadi lebih akrab melalui usaha penyelidikan, pembangunan siswa-siswi dan akademik dalam pelbagai ilmu.

Baginda menzahirkan rasa syukur dan bangga kerana USM berjaya menghasilkan penerima Ijazah Doktor Falsafah yang ramai untuk memenuhi keperluan negara.

Baginda juga berharap graduan terus menggunakan ilmu pengetahuan untuk membantu masyarakat dan negara dan mengukuhkan nilai-nilai murni serta menghormati kepelbagaian yang ada.

Sidang Pertama Upacara Konvokesyen Ke-50 turut dihadiri oleh Tuanku Raja Perempuan Perlis, Tuanku Tengku Fauziah Al-Marhum Tengku Abdul Rashid, Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Raja Muda Perlis Tuan Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman Haji Abbas, Toh Puan Dato' Seri Utama Hajah Majimor Shariff dan Menteri Pendidikan II Malaysia, Dato' Seri Idris Jusoh.

Seramai 25, 258 siswa-siswi bergraduasi pada Upacara Konvokesyen Ke-50 USM.



HEBAT Gaya tersendiri penyanyi tempatan, Ziana Zain ketika melakukan persembahan sempena Majlis Penutupan Ekspo Konvokesyen (Convex) 2014 di Tapak Konvo, Universiti Sains Malaysia pada 8 November 2014. Gambar oleh Mohamad Hafiz Adisman.

Syarat baru MUET jadi cabaran siswa-siswi

Oleh **NUR EMIRA SAIZALI**

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa), Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Dato' Dr Ahmad Shukri Mustapa Kamal menyeru siswa-siswi USM meningkatkan tahap kefasihan dan kemahiran berkomunikasi dengan menggunakan bahasa Inggeris.

Seruan tersebut dibuat bagi memastikan graduan USM mampu memenuhi permintaan dan kehendak pasaran kerja di peringkat nasional atau antarabangsa.

Seiring dengan pengumuman Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak tentang kenaikan had minimum kemasukan ke universiti dan syarat graduasi *Malaysian University English Test* (MUET) dalam Bajet 2015 baru-baru ini.

Prof Shukri berkata pihak universiti menyokong sepenuhnya matlamat utama pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang berusaha untuk meningkatkan tahap pendidikan negara terutama berkenaan dengan isu penguasaan bahasa Inggeris.

"Isu utama berkenaan dengan MUET sebenarnya tentang tahap keupayaan berbahasa Inggeris dalam kalangan siswa-siswi. Tidak dinafikan terdapat kumpulan yang kurang fasih berbahasa Inggeris dan untuk membantu mereka merupakan satu cabaran besar kepada pihak universiti", jelasnya.

Prof Shukri berkata perkara ini semestinya telah dilakukan di peringkat lebih awal iaitu peringkat sekolah untuk memastikan semua pelajar mempunyai tahap yang hampir sama di peringkat itu.

SYARAT BARU MUET

Kursus	Masuk IPTA	Syarat pengijazahan
Sastera, sains sosial	Band 2	Band 3
Sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik	Band 3	Band 4
Undang-undang, perubatan	Band 4	Band 5

"Secara logiknya, jika murid tahun satu mengambil MUET, sudah pasti mereka mendapat keputusan Band 1 kerana ia tahap paling rendah dan sekiranya selepas masuk universiti tahap tersebut masih sama, ia menunjukkan sesuatu yang 'ganjil' kerana ia tidak sepatutnya terjadi", katanya.

"Dalam hal ini, kita tidak boleh menyalahkan mereka kerana mendapat Band 1 dalam MUET namun kita harus sedar bahawa majoriti daripada kita menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa harian dan ia kurang dipraktikkan dalam kehidupan", jelas beliau lagi.

sambung di halaman 3

Matlamat tidak halalkan cara

Setiap perbuatan dilakukan dengan niat. Sama ada niat yang betul ataupun salah.

Perlaksanaan niat baik kebiasaannya akan mendorong seseorang untuk menterjemahkan perbuatan tersebut dalam bentuk yang baik.

Namun begitu, sebagai manusia kita tidak lari dari terpengaruh oleh hawa nafsu kita sendiri. Adakalanya niat yang baik juga berakhir dengan cara perlaksanaan yang salah.

Perlaksanaan niat yang baik seharusnya dilakukan dengan cara yang baik. Ramai yang merasakan niat yang mereka pasang di dalam hati adalah baik namun adakah itu yang terjadi sebaliknya.

Kebanyakan mereka lebih banyak melakukan sesuatu bukan secara ikhlas tetapi untuk mendapatkan pujian dari orang lain.

Sebagai siswa-siswi, memang sudah terang lagi bersuluh tugas utama kita adalah untuk belajar. Tidak kira sama ada kita di peringkat sekolah menengah hingga ke peringkat tertinggi di universiti, jangan mengambil jalan pintas untuk berjaya.

Untuk berjaya pelbagai kaedah boleh dilakukan namun hakikatnya bukan semua adalah cara yang terbaik. Betul kita ingin mendapatkan keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan namun adakah dengan cara meniru di dalam peperiksaan adalah cara yang betul.

Niat kita sudah betul iaitu ingin mendapat keputusan yang tertinggi tetapi adakah kita akan berpuas hati dengan hasil yang akan kita capai dengan cara yang kita lakukan.

Walaupun kita mempunyai matlamat yang tinggi dan niat yang baik, ia tidak semestinya menghalalkan cara. Plagarisme, mungkin cara mudah untuk mendapatkan markah yang tinggi terutama dalam menghasilkan hasil karya tapi adakah itu sesuatu yang mampu dibanggakan?

Betul, bukan senang untuk menjadi senang dan tidak susah untuk menjadi susah. Menuntut ilmu bukanlah perkara yang senang tetapi ilmu yang akan mengangkat darjat seseorang itu. Bukan senang untuk berjaya tetapi melalui kegagalan itu yang akan mengajarkan kita tentang sesuatu perkara. Dan untuk mencapai sesuatu kejayaan, jangan kita ambil jalan yang mudah.

Matlamat itu perlu ada tetapi pastikan matlamat tersebut diterjemahkan dengan cara yang betul, bukan membuta tuli membuat keputusan tetapi melihat sesuatu matlamat tersebut dengan mata hati.

Berani tampil ke hadapan

Sudah pasti siswa-siswi tidak akan menemui jalan penyelesaian sekiranya mereka hanya sekadar membuat rungutan dan menyalahkan pihak pentadbiran terutamanya dalam isu kekurangan bas, masalah wifi, kebersihan dan kemudahan di desasiswa serta masalah tempat letak kereta yang seringkali diperkatakan dalam kalangan siswa-siswi.

Sebenarnya, mereka harus tampil hadapan untuk melaporkan aduan dan bijak mencari solusi dengan mendekati pihak tanggungjawab seperti Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar (BHEPP), Pusat Pengetahuan Komunikasi dan Teknologi (PPKT), dan pentadbiran desasiswa yang mempunyai kuasa untuk melakukan penambahbaikan.

Namun, apa yang mengecewakan ialah mereka tidak mengambil inisiatif untuk membuat aduan menggunakan perkhidmatan talian ServisDesk dan juga One Stop Centre yang disediakan bagi memudahkan penerimaan aduan dan maklumbalas.

Meskipun, perkhidmatan talian tersebut telah disediakan namun siswa-siswi yang tampil ke hadapan untuk membuat aduan masih tidak memuaskan.

Malah, terdapat juga sebilangan siswa-siswi yang tidak menyedari kewujudan perkhidmatan talian yang disediakan khas untuk menerima maklumbalas dan aduan daripada siswa-siswi.

Hal ini berlaku kerana terdapat segelintir siswa-siswi yang cenderung menggunakan media sosial terutamanya facebook, Twitter, blog dan jaringan sosial yang lain bagi mengadu masalah kekurangan bas, masalah wifi, kebersihan dan kemudahan di desasiswa serta masalah tempat letak kereta yang sepatutnya disalurkan kepada kaunter perkhidmatan dan talian supaya tindakan wajar dapat diambil dengan segera.

Siswa-siswi gemar menggunakan media sosial mungkin ia satu-satunya platform bagi mereka bertukar pendapat serta mendapatkan maklumbalas daripada warga kampus dengan cepat.

Misalnya, ruangan USM Love Confession dan USM Info Sharing Corner menjadi tumpuan siswa-siswi bagi mengadu masalah yang dihadapi oleh mereka.

Di samping itu, mereka turut menggunakan media sosial sebagai medium untuk mengkritik sesuatu isu secara mendalam.

Keadaan menjadi lebih parah, apabila mereka tidak teragak-agak untuk mengkritik tampuk universiti melalui ruangan media sosial.

Mereka dapat berbuat demikian tanpa sebarang sekatan kerana identiti diri individu tersebut akan dirahsiakan secara langsung.

Namun, siswa-siswi harus sedar bahawa setiap senario mempunyai pro dan kontranya.

Sikap siswa-siswi yang meluahkan rasa tidak puas hati tanpa sebarang penapisan melalui media sosial boleh mencemari nama baik universiti namun jalan penyelesaian masih tidak dapat ditemui.

Sepatutnya, sebagai seorang penuntut pengajian tinggi yang bakal menempuhi alam perkerjaan, siswa-siswi harus melatih diri mereka untuk berani tampil ke hadapan.

Mereka harus mengambil inisiatif untuk membuat aduan mengenai masalah yang dihadapi menerusi saluran yang lebih tepat

Misalnya, membuat aduan mengenai masalah wifi menerusi saluran perkhidmatan ServisDesk yang beroperasi di bawah pemantauan Pusat Pengetahuan Komunikasi dan Teknologi (PPKT).

Di samping itu, siswa-siswi juga boleh menfailkan aduan tentang perkhidmatan bas di kaunter One Stop Center.

Sekiranya, siswa-siswi tampil untuk membuat aduan maka warga kampus dapat menemui jalan penyelesaian tanpa menuding jari kepada mana-mana pihak sekaligus mengusahakan solusi terbaik dalam tempoh masa yang singkat.

Kebersihan desasiswa tanggung-jawab bersama

Pernahkah anda melihat segelintir siswa-siswi mengeluarkan kenyataan berbaur kemarahan, caci-hamun dan kebencian terhadap pihak pengurusan desasiswa mahupun kepada tukang cuci akibat tindakan yang dikenakan di kediaman desasiswa anda? Tindakan pihak pengurusan desasiswa melakukan tinjauan mengejut dan rampasan barangan elektrik dan perkakasan makanan dan minuman bukanlah suatu tindakan yang kejam.

Pelbagai peraturan dan notis telah dikeluarkan oleh pengurusan desasiswa bagi menjamin kebersihan dan kelestarian desasiswa. Antaranya 'pelajar dilarang meninggalkan sebarang bekas makanan', 'pelajar dilarang meninggalkan barangan peribadi dalam bilik air', 'pelajar diingatkan untuk mengosongkan barangan di stor mulai...' dan lain-lain. Setiap peraturan yang diberikan demi keharmonian dan keselesaan penghuni di desasiswa masing-masing, tetapi ianya seringkali diabaikan oleh siswa-siswi.

Setiap arahan yang diberikan hanya dipandang sepi, serta diingkari. Kedegilan ini menjadi punca kepada pelbagai masalah seperti bekalan elektrik terputus dan kegagalan fungsi soket plug disebabkan terdapat penghuni yang menggunakan satu soket plug dengan pelbagai alatan elektrik yang mempunyai kilowatt tinggi.

Malah seringkali berlaku masalah singki tersumbat berpunca dari sisa makanan yang dibuang sewenang-wenangnya.

Apa yang mereka mahu? Semuanya perlu dalam keadaan cantik dan bersih. Pihak yang bertanggungjawab seperti tukang cuci perlu menjalankan tugas pada waktunya dan setiap masalah yang berlaku hanya dituding jari terhadap pengurusan desasiswa.

Sedangkan, setiap tindakan oleh pihak atasan adalah cermin kepada tingkah laku siswa-siswi itu sendiri. Namun, apabila tindakan tegas dilakukan oleh pihak atasan kadang-kadang ada pula 'naik angin'.

Oleh itu, mengapa perlu saling menyalahi pihak lain? Hakikatnya, kebersihan dan kelestarian di setiap desasiswa adalah di bawah tanggungjawab bersama oleh siswa-siswi dan pengurusan desasiswa.

Semua pihak harus bersama-sama menjalankan tugas bukannya hanya bergantung pada pihak pengurusan desasiswa.

Peraturan yang disediakan sepatutnya dihormati dan tidak diingkari. Ia bukanlah sesuatu yang sukar untuk diamalkan kerana ia adalah peraturan asas dalam kehidupan. Sebagai manusia kita tidak lari dari peraturan kerana perkara ini yang mengajar untuk menjadi lebih disiplin.

Tanggungjawab siswa-siswi bukan sahaja berfokus pada akademik malah dalam penjagaan kebersihan desasiswa juga.

Pelaksanaan peraturan yang ada adalah tanggungjawab bersama untuk kebersihan dan kelestarian desasiswa demi kebaikan diri mahupun orang lain.

LEMBAGA PENASIHAT BERITA KAMPUS

PENGERUSI Prof Madya Dr Jamilah Haji Ahmad | **PENGERUSI RANCANGAN PRASISWAZAH** Dr Nik Norma Nik Hasan | **PENASIHAT/PENSYARAH** Puan Hajah Hamidah Abd Hamid, Dr Nik Norma Nik Hasan, Dr Chai Ming Hock | **PEMBANTU KHAS** En Abdul Rahman Khalid, En Abdul Razak Ismail, En Adli Hanafi, En Mohd Azmi Ahmad Rahim

SIDANG EDITORIAL

KETUA PENGARANG Nur Khalidah Abdul Halim | **TIMBALAN KETUA PENGARANG I** Nur Farzana Jasmi | **TIMBALAN KETUA PENGARANG II** Hemawathi Somasundharam | **KETUA PENYUNTING** Nur 'Izzah 'Athirah Muhamad Azmi | **KETUA ATUR LETAK** Ian Leondy | **PENGURUS IKLAN** NurSyahidah Abu Bakri | **PENGURUS EDARAN** Nor Khamisah Saidin | **WARTAWAN** Nabilah Mad Zom, NurHabibah Nordin, Nurul Khairiah Mohamed Yusof, Rosamira Ahmad Razali, Victoria Sofia, Debra Wong Ser Lin, Lee Kam Fei, Muhamad Ridzwan Md Ali, Muhamad Fauzi Samsudin, Muhammad Suhaib Mohd Shapiee, Nabilahaisah Tawang, Ng Xiang Yi, Michele Ng Heng Kim, Aliana Hamimi Amran, Siti Nazifah Tajudin, Nur Emira Saizali, Siti Fasriana Shaari, Mohamad Hafiz Adisman, Aishah Hanis Azmi, Asmah Ali, Au Tse En Nicole, Mohamed Afiq Amani Mohamed Nadhirsha, Norsyafiqah Zamal Ishak, Shangitha Sadayan, Sharmila Premal.

Alamat | Bilik Berita, Balai Media, Pusat Pengajian Komuniki **Telefon** | 04-653 5071 | **E-mel** | beritakampus44@gmail.com

Berita Kampus ialah akhbar makmal siswa-siswi tahun akhir pengkhususan kewartawanan, Pusat Pengajian Komunikasi, USM dan bukan pendirian dan pandangan rasmi Universiti Sains Malaysia.

Sejak 1971. Suara Dari Menara Ilmu.

SENARAI JAWATANKUASA MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR USM SIDANG AKADEMIK 2014/2015

YANG DIPERTUA Mohamad Shafiq Kamaruddin
NAIB YANG DIPERTUA 1 Mohamad Khairul Anam Masal
NAIB YANG DIPERTUA 2 Goo Chuan Chiew
NAIB YANG DIPERTUA 3 Malathi Sivagami Sivakumaran
SETIAUSAHA AGUNG Mazni Mohd Zuki
BENDAHARI KEHORMAT Nursyifa Shahida Bahrin
SETIAUSAHA KERJA Mohamad Hafiz Adisman

JABATAN PERBENDAHARAAN KEWANGAN
- Mohd Zul Fahmi Zahari
- Wei Min Jue

JABATAN KEBAJIKAN DAN KESEJAHTERAAN SISWA
- Nurceria Husna Mohamad Arif
- Chew Wei Wen

JABATAN AKADEMIK DAN PENGURUSAN KARIER
- Muhammad Nur Aliff Roslan
- Nur Hidayu Shuhada Adnan

JABATAN PEMBANGUNAN SISWI
- Nur Nabilah Aiman Rusli
- Reani Azwina Azmin

JABATAN SUKAN DAN REKREASI
- Mazni Sidru
- Mohammad Fitry Ariff Ahmad Zulkefly

JABATAN GRAFIK DAN JARINGAN INFORMASI
- Johari Jaafar
- Bernard Lee Jin Chuan
- Muhammad Hakimi Hadzir

JABATAN KEUSAHAWANAN KORPORAT
- Tan Yong Herr
- Mohd Mustaqim Zakaria

JABATAN SIVIL DAN PEMBANGUNAN INSANIAH
- Mohd Fahmi Fadzli
- Nur Arif Azezan

JABATAN KOMUNIKASI KOPRAT DAN PENGANTARABANGSAAN
- Md Yushalify Misro
- Sanjeetha Harrie Raja Rahman
- Nur Amirah Najihah Kamarudin

JABATAN INOVASI DAN PEMBANGUNAN SISWAZAH
- Jeganathan Kanusamy

JABATAN KELESTARIAN DAN KESUKARELAWANAN GLOBAL
- Muhammad Naim Osman
- Nur Liyana

Kenaikan 30% tambang bas ekspres beban siswa-siswi

Oleh **AISHAH HANIS AZMI & ASMAH ALI**

Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) menunggu keputusan pelaksanaan caj tambah 30% bas ekspress yang akan dimaklumkan dalam masa terdekat. Susulan itu, siswa-siswi melahirkan rasa gusar dan kecewa yang akan memberi impak kepada mereka.

Menurut Nor Fatimah Mohd Nawi, Sains Kemasyarakatan 3, isu itu tersebar luas dalam media massa dan mengakui kecewa dengan keputusan setengah pihak yang tidak memikirkan kesan yang bakal dihadapi oleh siswa-siswi.

"Pada pendapat saya, kenaikan harga tiket ini tidak wajar kerana harga tiket baru sahaja dinaikkan sebanyak 10% dan kini naik lagi 30% dalam tempoh yang terdekat. Saya amat terbeban dengan tindakan pihak yang menaikkan harga tiket dengan alasan kenaikan harga minyak baru-baru ini", jelas Nor Fatimah.

Tambahnya lagi, beliau akan pulang ke kampung halaman di Kelantan setiap kali cuti umum. Namun, kali ini beliau terpaksa mempertimbangkan semula keputusan itu kerana harga tiket berjumlah RM54.60 sehala berbanding RM42 sebelum pelaksanaan kenaikan harga tambang bas.

Siti Hajar Hafizah Mohd Noor, Sains Kemasyarakatan 3, beliau juga terkesan dengan kenaikan harga tambang bas yang bakal dinaikkan kerana jumlah Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan harian yang semakin meningkat terutama di Pulau Pinang yang memerlukan kos sara hidup yang tinggi.

"Bas menjadi pengangkutan utama saya, walaupun tidak bersetuju dengan kenaikan harga tambang, saya terpaksa menggunakan perkhidmatannya kerana harga tambang bas lebih murah berbanding pengangkutan lain", tambahnya.

Kedua-dua siswi ini berharap agar pelaksanaan caj perkhidmatan bas ekspress itu dikaji semula kerana kesannya kepada masyarakat umum khususnya siswa-siswi.

> "Bas menjadi pengangkutan utama saya, walaupun tidak bersetuju dengan kenaikan harga tambang, saya terpaksa menggunakan perkhidmatannya kerana harga tambang bas lebih murah berbanding pengangkutan lain"

USM terima baik syarat baharu kelayakan MUET

Universiti Sains Malaysia (USM) menerima baik cadangan syarat baharu kelayakan bagi Malaysian University English Test (MUET) yang diumumkan oleh Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Najib Tun Razak dalam pembentangan Bajet 2015.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa), Profesor Dato' Dr Ahmad Shukri Mustapa Kamal, universiti bersikap terbuka dalam hal-hal yang berkaitan dengan kebaikan bakal graduan universiti.

Sebarang pindaan dalam syarat-syarat kemasukan universiti dan bergraduasi akan ditentukan oleh ahli-ahli senat universiti. Jelasnya lagi, ahli senat universiti akan memantau arahan daripada Kementerian Pelajaran Malaysia.

Prof Ahmad Shukri menjelaskan bahawa buat masa ini, universiti akan mengambil pengumuman tersebut sebagai satu cadangan yang mungkin akan dijadikan sebagai arahan jika arahan rasmi dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

Beliau menekankan kepentingan usaha daripada siswa-siswi untuk menyahut cabaran itu.

"Siswa-siswi harus mengambil cabaran untuk meningkatkan tahap kemahiran berbahasa Inggeris kerana graduan USM akan mencerminkan imej USM kepada orang luar", katanya.

Beliau juga berharap agar perubahan baharu ini tidak akan menjejaskan peluang siswa-siswi untuk belajar.

"Sekarang ini kita agak reaktif terhadap keputusan itu. Kita berharap kita dapat cuba untuk memastikan semua orang mendapat peluang yang sama dan tiada siswa-siswi yang tercicir", katanya.

Prof Ahmad Shukri berkata USM tidak memerlukan MUET untuk menentukan kelayakan siswa-siswi untuk bergraduasi. Jelasnya lagi, USM mempunyai sistem yang tersendiri untuk menilai pemohonan kemasukan USM.

Sebelum ini, syarat am kemasukan ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) mengkehendaki siswa-siswi untuk mencapai tahap minimum Band 1. Dalam pembentangan Bajet 2015, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak ingin mempertingkatkan syarat baharu bagi MUET untuk meningkatkan keyakinan diri dan kemahiran berkomunikasi dalam bahasa Inggeris dalam kalangan penuntut IPTA di Malaysia.

> "Siswa-siswi harus mengambil cabaran untuk meningkatkan tahap kemahiran berbahasa Inggeris kerana graduan USM akan mencerminkan imej USM kepada orang luar"

Prof Shukri: Kemahiran bahasa Malaysia, Inggeris penting dalam alam pekerjaan

dari halaman 1

Prof Shukri turut menambah bahawa persepsi masyarakat juga perlu berubah dan membuang tanggapan bahawa individu yang bertutur dalam bahasa Inggeris sebagai 'berlagak'.

"Saya tidak berniat membelakangkan bahasa Malaysia tetapi untuk melahirkan graduan yang cemerlang, kemahiran dalam kedua-dua bahasa amat penting terutama ketika memasuki alam pekerjaan", tambahnya lagi.

"Antara usaha dan pendekatan yang telah lama dilakukan oleh USM, contohnya memperkenalkan kursus bahasa Inggeris seperti LSP300 dan LMT100 serta beberapa subjek yang mempunyai kod-E. Ia dilihat seperti perkara yang kecil tetapi ia masih satu usaha. Kita di peringkat universiti berusaha untuk meningkatkan kemahiran siswa-siswi dari Band 1 kepada 2 dan seterusnya", ujarnya.

Beliau percaya pihak kerajaan sedang melakukan sesuatu untuk meningkatkan keupayaan bahasa Inggeris di semua peringkat tetapi ia akan mengambil masa kerana kita sudah lama menggunakan sistem yang mungkin dilihat tidak menekankan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar utama.

"Saya berharap agar siswa-siswi USM memanfaatkan peluang yang disediakan untuk mereka serta meningkatkan usaha untuk lebih fasih berbahasa Inggeris. Namun mereka juga digalakkan untuk mempelbagaikan jenis bahasa kerana ia memberi kelebihan ketika mencari pekerjaan kelak", jelasnya lagi kepada *Berita Kampus.*

Dalam perbentangan Bajet 2015, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan bermula tahun hadapan, syarat kemasukan am ke IPTA yang mengkehendaki pelajar mencapai tahap minimum Band 1 dalam Muet akan dipertingkatkan bagi meningkatkan keyakinan diri dan kemahiran berkomunikasi bahasa itu.

Tahap minimum baharu Band Muet untuk kemasukan bagi pengajian sastera dan sains sosial ditingkatkan kepada Band 2 (syarat graduasi ditetapkan Band 3); pengajian sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) menjadi Band 3 (syarat graduasi Band 4); manakala Band 4 ditetapkan untuk pengajian undang-undang dan perubatan (syarat graduasi Band 5).

> "Secara logiknya, jika murid tahun satu mengambil MUET, sudah pasti mereka mendapat keputusan Band 1 kerana ia tahap paling rendah dan sekiranya selepas masuk universiti tahap tersebut masih sama, ia menunjukkan sesuatu yang 'ganjil' kerana ia tidak sepatutnya terjadi."
>
> Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr Ahmad Shukri Mustapha Kamal

Telitikan maklumat dahulu untuk elak sebar fitnah

Siswa-siswi Universiti Sains Malaysia (USM) dinasihatkan supaya tidak mudah mempercayai dan terpengaruh dengan berita yang tersebar di media sosial terutama melalui aplikasi Whatsapp atau laman sosial Facebook.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar), Profesor Adnan Hussein menggesa siswa-siswi meneliti maklumat dahulu agar tidak terjerumus kepada penyebaran maklumat yang membawa kepada fitnah.

Prof Adnan berkata siswa-siswi seharusnya menyiasat terlebih dahulu apabila menerima berita dari Internet atau media sosial.

"Contohnya, apabila terdapat berita membabitkan isu keagamaan dan keselamatan, ia boleh mencetuskan rasa panik, risau, simpati dan sedih. Oleh itu, sudah sampai masa untuk kita berhati-hati apabila menyebarkan sesuatu maklumat yang kabur tentang kesahihannya untuk mengelak fitnah", katanya.

"Sikap mudah percaya terhadap sesuatu perkara boleh mencetuskan kekecohan dan keresahan, kerana ia akan menimbulkan sesuatu yang buruk dalam masyarakat", tambahnya lagi.

Prof Adnan turut menambah bahawa setiap individu pada hari ini boleh menjadi agen penyampai atau 'wartawan segera'.

Isu utama ialah sama ada maklumat yang disebarkan itu benar atau tidak dan ia perlu mendapat pengesahan daripada sumber yang dipercayai.

Beliau juga berharap agar siswa-siswi USM lebih berhati-hati dan sentiasa berwaspada agar tidak mudah terjerat.

Walaupun berita tersebut datang daripada ahli keluarga, jangan mudah percaya dan terburu-buru membuat kesimpulan sendiri sebelum mengesahkannya.

"Banyakkan membaca daripada pelbagai jenis sumber untuk mendapatkan kepastian. Media juga harus mempunyai 'standard' yang sama untuk mengelak kekeliruan maklumat yang hendak disampaikan kepada masyarakat", jelasnya lagi kepada *Berita Kampus*.

> Siswa-siswi seharusnya menyiasat terlebih dahulu apabila menerima berita dari Internet atau media sosial.

Parking is a privilege, not a right

By **AU TSE EN NICOLE**

In response to the parking issue, Director of University Sains Malaysia (USM) Security Department, Associate Professor Dr P. Sundramoorthy expressed his disappointment towards drivers in USM, especially those who have always assume that parking is a right that USM has a responsibility to provide enough parking lots for them.

"Drivers should understand that parking is a privilege and not a right for them. It is the same as our driver licenses which are given by authority. It can also be revoked by the authority anytime", he said.

Dr P. Sundramoorthy admitted that parking has always been an issue in USM.

According to him, although the population in USM has increased year by year, USM, in fact, has not grown very much physically.

As more people are bringing vehicles to USM main campus, the incorrect perception that parking is a right has created more frustration among drivers in USM.

He added that the parking lots in USM are giving priority for those who operate USM, including the administrative and academic staffs.

For students, he said, the actual parking lots are only at Padang Kawad, parking lots at the E41 building and their respective hostel parking lots.

"It saddens me when those who do not have a USM student car sticker are parking as they wish in the campus", he said.

Dr P. Sundramoorthy added that the university has always provide alternatives for them, for example shuttle bus and ecovan services, to help solving this parking issue.



Siswa-siswi yang meletakkan kenderaan sesuka hati mereka walaupun tempat tersebut bukan untuk parkir kenderaan

Salah guna laman sosial cetus perbalahan siswa-siswi

Tindakan segelintir siswa-siswi yang menggunakan laman sosial USM Love Confession untuk meluahkan ketidakpuasan hati menyebabkan berlaku salah faham sehingga menimbulkan rasa kecewa sesetengah pihak.

Menurut Hanani Halim, Sains Fizik 2, tindakan siswa-siswi yang berkongsi perasaan, teguran, sindiran atau pengalaman di laman sosial tersebut tanpa memikirkan akibat boleh membawa impak negatif.

"Jika siswa-siswi tidak menyukai pihak tertentu, mereka seharusnya menggunakan saluran yang betul untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi bukannya bertindak berkongsi masalah peribadi untuk tatapan sejagat maya", ujarnya.

"Jika laman sosial digunakan untuk perkongsian ilmu dan pengalaman yang membawa manfaat bersama, saya yakin ia akan menjadi wadah ilmu yang mampu menjana pemikiran kritis siswa-siswi", jelasnya lagi.

"Kebanyakan status di laman tersebut banyak mengaibkan seseorang hingga berlaku krisis di antara pihak tertentu. Saya melihat ini sebagai masalah siswa-siswi yang gemar mencari masalah bukannya mencari solusi", tambahnya.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar), Prof Adnan Hussein berpendapat kebanyakan pengalaman atau perkongsian di laman tersebut merupakan rekaan semata-mata dan malangnya menggunakan nama Universiti Sains Malaysia untuk menimbulkan sensasi.

"Siswa-siswi seharusnya mempunyai etika dan pertimbangan yang waras apabila menggunakan laman sosial supaya tidak memburukkan keadaan. Pusat Pengetahuan, Komunikasi & Teknologi (PPKT) sedang membuat pemantauan terhadap media sosial dan sekiranya menjatuhkan nama baik universiti, tindakan lanjut akan diambil", jelas beliau.

"Saya menasihati siswa-siswi untuk kembali kepada asas dalam perhubungan persahabatan. Hal-hal yang tidak sepatutnya dikongsi perlu disimpan sebagai rahsia sendiri. Mereka yang sememangnya berniat buruk dalam menyebarkan pelbagai fitnah perlu bermuhasabah diri supaya tidak terus terleka", katanya lagi.

Penggunaan e-mel rasmi tidak diendahkan

Segelintir siswa-siswi Universiti Sains Malaysia (USM) tidak mengendahkan penggunaan e-mel rasmi yang disediakan oleh USM.

Menurut Penolong Pegawai Teknologi Maklumat, Pusat Pengetahuan, Komunikasi dan Teknologi (PPKT) USM, Mazlan Mohd Yassin, kini e-mel rasmi USM telah dijadikan sebagai identiti siswa-siswi untuk mendaftar masuk ke E-learning, Campus Online, e-portal, dan perkhidmatan internet.

"E-mel rasmi ini sangat penting kerana segala hebahan aktiviti rasmi USM adalah melalui e-mel tersebut. Sekiranya siswa-siswi tidak mendaftar masuk ke e-mel rasmi ini, sudah tentu mereka akan ketinggalan maklumat yang penting", jelasnya.

Mazlan juga menyatakan bahawa siswa-siswi tidak boleh membuat aduan sekiranya mengalami masalah teknikal yang melibatkan e-mel peribadi dan hanya akan dibantu sekiranya berkaitan dengan e-mel rasmi USM.

E-mel rasmi USM yang hanya menggunakan web browser seperti Microsoft, kini boleh diakses melalui Mozilla Firefox, Google Chrome dan sebagainya.

"E-mel rasmi USM ialah medium komunikasi yang penting dalam kalangan warga kampus," tambah Mazlan.

Menurut Rasyiqah Rosli, Sains Fizik 3, pensyarah seharusnya membuat hebahan mengenai tugasan melalui e-mel rasmi USM secara berterusan bagi menggalakkan siswa-siswi menggunakan e-mel tersebut.

Timbalan Naib Canselor, (Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar) USM, Profesor Adnan Hussein, berharap agar siswa-siswi dapat menggunakan e-mel rasmi USM secara optimum pada sepanjang masa.

> E-mel rasmi ini sangat penting kerana segala hebahan aktiviti rasmi USM adalah melalui e-mel tersebut

Tangani kelakuan sumbang siswa-siswi bersama

Oleh **MOHAMED AFIQ AMANI MOHAMED NAHDIRSHA**

Biarpun berada di tempat menimba ilmu, segelintir pasangan siswa-siswi tidak malu berkelakuan sumbang di kawasan gelap dan tersembunyi sekaligus menimbulkan rasa kurang senang siswa-siswi yang lain.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar), Prof Dr Adnan Hussein berkata tiada badan khusus yang bertindak untuk membuat pemantauan secara berterusan bagi mengekang masalah ini tetapi setiap desasiswa seharusnya mempunyai langkah pencegahan yang tersendiri.

"Sama ada Jabatan Keselamatan (JK) mahupun Majlis Penggawa terikat dengan peraturan sedia ada. Sekiranya kes berdua-duaan dan berkelakuan sumbang berlaku di desasiswa maka pihak yang bertanggungjawab ialah pengurusan desasiswa begitu juga dengan JK akan bertindak bersesuaian dengan kuasa mereka", jelasnya.

"Sebarang hukuman tatatertib yang akan dikenakan terhadap pasangan yang ditangkap tidak lagi menjadi tanggungjawab Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar tetapi Jabatan Perundangan yang akan menguruskannya", ujarnya lagi.

"Siswa-siswi yang mengikuti ajaran agama pasti tidak akan terjebak dalam masalah sebegini. Tanggungjawab untuk mengatasi masalah ini bermula daripada individu, keluarga, rakan sebaya, penggawa dan pensyarah. Jika semua pihak berganding bahu dan tidak menuding jari kepada mana-mana pihak pastinya masalah ini akan menemui jalan penyelesaian", tambahnya.

Menurut Norashikin Mohd Nuwawi, Ilmu Pendidikan 3, isu pasangan siswa-siswi berdua-duaan dan berkelakuan sumbang sudah lama berlaku namun penguatkuasaan untuk membendungnya agak kurang.

"Pasangan yang sedang dilamun cinta tidak peduli akan adab dan tatasusila di dalam kampus. Pada pendapat mereka tindakan berdua-duaan di tempat tersembunyi tidak menjadi kesalahan namun mereka seharusnya peka terhadap pandangan awam", katanya lagi.

Beliau berpendapat satu organisasi khas wajar ditubuhkan bagi membendung budaya bercinta hingga melampaui batas.

Sekiranya masalah ini tidak dibendung akan mencemarkan nama baik universiti.

> "Tanggungjawab untuk mengatasi masalah ini bermula daripada individu, keluarga, rakan sebaya, penggawa dan pensyarah."

Sikap siswa-siswi, kontraktor punca tandas desasiswa kotor

Tandas wanita Desasiswa Indah Kembara kotor dan jijik sehingga siswi-siswi tidak selesa untuk menggunakannya.

Keadaan itu berlarutan hampir dua minggu. Sampah di dalam tong juga penuh sehingga melimpah.

Hal ini menimbulkan bau busuk yang mengganggu penghuni desasiswa.

"Begitu lama kekotoran dibiarkan sehingga sinki berkarat dan berlumut. Lantai tidak dicuci dan air bertakung. Air bertakung terlalu lama menjadikan lantai berlumut dan licin. Keadaan ini membahayakan keselamatan penghuni", kata sumber yang tidak mahu dikenali.

Menurutnya lagi, aduan pernah dibuat oleh siswi-siswi namun tiada sebarang tindakan diambil.

"Hal ini telah berlaku berulang kali sehingga saya terpaksa bertindak untuk mencuci sendiri. Saya berasa marah dengan sikap siswi-siswi kerana tidak tahu adab untuk membuang tuala wanita. Tuala wanita dibiarkan bersepah dan tidak dibuang di tempat yang sepatutnya. Keadaan ini akan menjatuhkan imej Universiti Sains Malaysia (USM) malah malu kepada keluarga yang datang berkunjung", tambahnya.

Penggawa Desasiswa Indah Kembara, En Mohd Zain Dollah menjelaskan bahawa masalah tersebut berpunca kekurangan pekerja dari Syarikat Perniagaan Teras Dinamik.

Beliau juga berkata, masalah tersebut disebabkan sikap pekerja itu sendiri kerana bekerja sambil lewa dan malas.

Menurutnya, perkara tersebut berlaku sejak April lagi. Beliau telah menerima enam aduan dari siswi-siswi berikutan masalah itu.

Setiap aduan yang diterima akan dijadikan bukti untuk pemotongan bayaran bulanan kepada syarikat tersebut.

"Sebenarnya saya telah beberapa kali memberi amaran kepada syarikat tersebut supaya bertindak lebih efisien namun tiada sebarang perubahan. Mereka hanya memohon maaf. Jika mereka tidak bertindak juga, saya akan mencadangkan kepada Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar (BHEPP) untuk menukar syarikat ini. Saya sarankan kepada siswa-siswi untuk membuat aduan sekerap mungkin melalui dalam talian 'helpdesk' sekiranya masalah ini berlarutan", jelasnya.

> "Saya sarankan kepada siswa-siswi untuk membuat aduan sekerap mungkin melalui dalam talian 'helpdesk' sekiranya masalah ini berlarutan.
>
> Penggawa Desasiswa Indah Kembara, En Mohd Zain Dollah"

Tiada aduan telefon awam tidak berfungsi diterima

Masalah telefon awam yang tidak mempunyai talian menyukarkan siswa-siswi sekiranya telefon bimbit tidak dapat digunakan.

Nurfarhana Mohd Alirnor, Pengurusan 3, berkata kadang kala siswa-siswi akan menggunakan telefon awam terutamanya dalam keadaan terdesak seperti kerosakan telefon bimbit atau kehabisan kredit.

Menurut Penggawa Desasiswa Indah Kembara, Mohd Zain Dollah perkhidmatan telefon awam bukan di bawah bidang kuasa pengurusan desasiswa.

Telekom Malaysia yang bertanggungjawab untuk selenggara telefon awam.

"Siswa-siswi juga tidak membuat sebarang aduan berkenaan masalah ini. Jika ada aduan dilaporkan, pihak desasiswa akan membuat tindakan susulan untuk memulihkan semula talian telefon awam di desasiswa", tambah beliau lagi.

Pengerusi Sukarelawan Kampus Sejahtera, Wee Soon Kit menjelaskan bahawa tidak ada masalah sekiranya telefon awam tidak berfungsi kerana siswa-siswi mempunyai telefon bimbit dan tiada aduan yang diterima mengenai masalah telefon awam.

"Dua tahun lalu, ketika saya memegang jawatan exco kebajikan Majlis Perwakilan Pelajar, isu ini tidak pernah disuarakan oleh siswa-siswi sehingga ke hari ini", ujarnya.

Penjelasan Kampus Sejahtera mengenai Sticker Design Contest

Sukarelawan Kampus Sejahtera (SKS) telah menganjurkan Sticker Design Contest pada semester lalu dan mengumumkan pemenangnya seramai tiga orang.

Kelewatan pemberian hadiah dan MyCSD berpunca dari salah faham antara penganjur dan pemenang pertandingan itu.

Aduan diterima daripada seorang calon yang tidak mahu dikenali menyatakan dia menanti jawapan daripada SKS mengenai hal ini kerana ia telah diadakan pada semester yang lalu.

Pegawai Penyelidik SKS, Encik Muhamad Nur Hazim Mazlan berkata, pertandingan itu diadakan bersama Pusat Pendidikan, Latihan dan Penyelidikan Tenaga Diperbaharui, Kecekapan Tenaga dan Teknologi Hijau (CETREE & GT).

Beliau berkata keputusan dari mereka termasuk pemilihan pemenang dan pemberian hadiah. Proses ini mengambil masa dan berterusan sehingga Sticker Design Contest yang kedua berlangsung. Mereka juga akan mengadakan majlis rasmi bagi penerimaan hadiah kepada pemenang diwakili oleh CETREE.

"Pertandingan ini merangkumi dua peringkat dan kini dalam proses peringkat kedua. Pemberian MyCSD akan diberikan kepada pemenang dari pertandingan yang pertama sehingga kedua. Kami menggabungkan pengumpulan MyCSD pemenang dan diserahkan sekaligus," jelasnya lagi.

Beliau juga berharap agar siswa-siswi tidak perlu bimbang mengenai sebarang program yang dianjurkan oleh mereka dan kemasukan MyCSD. Siswa-siswi boleh memaklumkan sebarang masalah di laman web rasmi SKS.

> "Siswa-siswi tidak perlu bimbang mengenai sebarang program yang dianjurkan oleh mereka dan kemasukan MyCSD Siswa-siswi .boleh memaklumkan sebarang masalah di laman web rasmi SKS."



Encik Hazim selaku pegawai penyelidik SKS menjelaskan perkara ini hanya salah faham dengan pemenang pertandingan.

Naib Canselor: Perkasa ASEAN melalui pendidikan

Perkembangan pendidikan dan ilmu pengetahuan di antara Universiti Sains Malaysia (USM) dan negara-negara ASEAN menjadi tumpuan ucapan Naib Canselor USM, Profesor Dato' Dr Omar Osman pada sidang pertama upacara Majlis Konvokesyen ke-50 USM yang telah diadakan dari 5-9 November 2014..

Menurut Prof Omar, persamaan yang dimiliki oleh negara-negara ASEAN dari segi budaya, sejarah, kekayaan sumber serta para cendekiawan seharusnya dikongsi bersama untuk membentuk sesuatu komuniti global yang kuat.

"Jika kita boleh himpunkan segala dapatan daripada penyelidikan dalam kalangan universiti-universiti ASEAN yang terlibat terus kepada masyarakat, program pemindahan ilmu yang sedia gigih dilakukan di negara ini dapat kita kongsi secara lebih luas lagi," kata beliau.

Prof Omar turut mengambil contoh perkembangan pendidikan di Brunei sebagai usaha sebuah negara ASEAN dalam memperkasakan ilmu.

"Pembangunan pesat universiti dan institusi pendidikan Brunei Darussalam misalnya memberi isyarat penting terhadap kepentingan ilmu pengetahuan dalam melestarikan pembangunan yang ada dalam jangka panjang dan memastikan sifat kemandirian sesuatu bangsa akan terus kukuh dan utuh untuk diwarisi selama-lamanya oleh rakyat dan masyarakat," tambah beliau.

Selain itu, beliau juga telah mengetengahkan usaha-usaha yang boleh dilakukan oleh USM untuk menyumbang kepada komuniti pendidikan di ASEAN seperti menubuhkan Parlimen Mahasiswa ASEAN, mengadakan pameran kreativiti dan inovasi bersama dalam jenama ASEAN seperti *Novel Research and Innovation Competition* (NRIC) dan sebagainya.

"Semua ini penting dan berguna untuk kita sama-sama menjadi pemain utama global dalam memperkukuh dan memperkasa komuniti ASEAN melalui pendidikan dan pengajian tinggi," kata beliau.

Seramai 5,474 graduan, termasuk 582 orang penerima ijazah doktor falsafah, telah menerima ijazah mereka pada Upacara Konvokesyen ke-50 yang bersejarah ini.

Sultan Brunei: Pendidikan pemacu kejayaan

Oleh **DEBRA WONG SER LIN**

Penumpuan terhadap pendidikan sebagai pemacu untuk pembangunan masyarakat dan negara menjadi fokus ucapan Sultan Brunei, Sultan Haji Hassanal Bolkiah apabila menyampaikan ucapan kehormat baginda di sidang pertama Upacara Konvokesyen ke-50 Universiti Sains Malysia (USM) yang telah berlangsung di Dewan Tuanku Syed Putra (DTSP) pada 5 November 2014.

"Negara Brunei Darussalam, seperti juga Malaysia, amat menitikberatkan pendidikan dalam kalangan rakyat dan penduduknya, selaras dengan Wawasan Brunei 2035 untuk mempunyai rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran. Dengan itu, kita mampu melahirkan tenaga kerja yang benar-benar berilmu lagi berkaliber," titah baginda.

"Dasar-dasar pendidikan akan sentiasa dikaji dan diperbaiki dari masa ke masa kerana kita sedar bahawa pendidikan itu bukanlah sesuatu yang statik," tambah baginda.

Sultan Brunei dalam ucapan baginda mengulas tentang kepentingan perhubungan yang erat antara Malaysia dan Brunei yang sudah terjalin selama berabad lamanya dan mengalu-alukan kerjasama antara kedua-dua buah negara tersebut, termasuklah dari segi pendidikan.

"Dalam perkara ini, Beta ingin melihat agar hubungan kerjasama itu dapat dipertingkatkan dari masa ke masa melalui kerjasama pendidikan mahupun pertukaran pelajar di antara institusi-institusi pengajian tinggi kedua-dua buah negara. Brunei Darussalam juga sentiasa mengalu-alukan rakyat dan penduduk Malaysia yang ingin meneruskan pengajian mereka di institusi-institusi pengajian tinggi di Brunei Darusalam," kata baginda.

Baginda turut menzahirkan penghargaan kepada USM atas pemberian Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Undang-Undang kepada baginda, penganugerahan itu dianggap sebagai suatu penghormatan kepada baginda dan Negara Brunei Darusalam.

Baginda juga mengiktiraf kejayaan USM sebagai universiti berstatus APEX dan mampu mengeluarkan graduan yang menyumbang kepada pembangunan Malaysia.

Cemerlang dalam akademik dan kokurikulum



NAIB Canselor Universiti Sains Malaysia, Prof Dato' Dr Omar Osman berbangga melihat penerima anugerah khas sempena Upacara Konvokesyen ke-50 USM

Soh Sin Siang, selaku penerima Anugerah Pelajar Diraja Majlis Raja-raja Malaysia Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer membuktikan bahawa aktif dalam kokurikulum tidak menghalangnya untuk berjaya dalam pelajaran.

Kejayaan memperoleh Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.75, telah melayakkan dirinya untuk mendapatkan anugerah tersebut pada Upacara Konvokesyen ke-50 Universiti Sains Malaysia (USM).

"Kejayaan saya memperoleh anugerah ini mungkin disebabkan keputusan saya yang agak bagus ditambah pula dengan pencapaian dalam kokurikulum kerana ada siswa dan siswi lain yang mempunyai keputusan yang lebih baik", ujar beliau.

Selain berjaya mendapat anugerah dekan sebanyak tujuh kali, beliau juga berjaya mengharumkan nama USM dengan memperoleh pingat emas dalam acara larian 400 meter, 800 meter dan 1500 meter melalui penyertaan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM).

Beliau kini bekerja sebagai perunding pemprosesan teknologi maklumat di Syarikat HILTI yang berpengkalan di Switzerland.

Seorang lagi graduan yang berjaya mendapat Anugerah Pelajar Diraja Majlis Raja-raja Malaysia ialah Nurul Syafiah Abdul Naeeim, Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Matematik) dengan PNGK 3.76.

Giat berpersatuan tidak halang kejayaan penerima Pingat Emas Canselor

Graduan Doktor Perubatan, Ng Suk Ning telah menerima Pingat Emas Canselor 2013/2014 sewaktu Upacara Konvokesyen ke-50 yang berlangsung di Dewan Tuanku Syed Putra (DTSP) pada 5 November yang lalu.

"Kaedah pembelajaran saya seperti rakan-rakan yang lain. Tetapi, saya memfokuskan kepada usaha yang gigih sewaktu pembelajaran. Yang penting, jangan lupa untuk berdoa dan yakin pada diri sendiri", jelas Ng.

Menurutnya lagi, sokongan keluarga terutamanya daripada ibu bapa amat penting kerana restu mereka akan memudahkan kita untuk maju dan berjaya pada masa akan datang.

Beliau telah memperoleh keputusan yang cemerlang pada setiap semester.

Ng juga meminati bidang sukan seperti futsal, badminton dan squash. Beliau aktif dalam aktiviti kokurikulum seperti Majlis Sukan Malaysia (MASUM) dan Sukan Antara Desasiswa (SUKAD).

Beliau mengatakan sekiranya kita berazam untuk melakukan sesuatu perkara dan mahir membuat pembahagian masa ia bukanlah sesuatu perkara yang sukar.

Tambahnya lagi, waktu rehat yang diperuntukkan untuk dirinya adalah 6 jam sahaja.

"Kata-kata semangat yang dipegang oleh saya ialah dari professor yang mengajar kami iaitu "so success as in intersection between fair and also hardwork". Jangan terlalu bekerja keras tanpa berehat dan jangan pula terlalu malas untuk melakukan kerja". jelas anak sulung daripada dua adik beradik ini kepada *Berita Kampus*.

Tuanku Canselor rasmi Pameran Penyelidikan Kecemerlangan dan . . .

Pameran Penyelidikan Kecemerlangan Universiti Sains Malaysia (USM) telah diadakan sempena Upacara Konvokesyen ke-50 USM di Bangunan Eureka, 4 November lalu.

Pameran yang dirasmikan oleh Tuanku Canselor, D.Y.M.M. Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail itu mempamerkan 21 produk penyelidikan selaras dengan pencapaian USM dan pengiktirafan yang diterima selama ini.

Pameran yang diadakan di ruang legar Bangunan Eureka itu khusus menunjukkan kesungguhan USM dalam mendorong budaya penyelidikan dan inovasi setanding dengan status Universiti Penyelidikan USM.

Menurut Naib Canselor USM, Profesor Dato' Dr Omar Osman, USM akan berusaha untuk menzahirkan kecemerlangan melalui jaringan industri dan masyarakat, libatsama komuniti, pemindahan ilmu, pusat-pusat kecemerlangan malah juga pelbagai disiplin yang ada untuk dirasai oleh semua pihak.

"Ukuran sebenar bukan hanya penghasilan produk untuk pengkomersilan tetapi sumbangan dalam bentuk keilmuan, penulisan, penerbitan dan membanyakan lagi inovasi sosial, meningkatkan daya saing masyarakat dalam menghadapi persaingan global dan memberikan faedah langsung untuk dinikmati oleh masyarakat", ujar beliau lagi.

Beliau berhasrat untuk memperbanyakan pameran kecemerlangan sebegini bagi mengajak mereka yang berminat bersama-sama menjalin kerjasama strategik dalam jangka panjang.

"Kita boleh gabungkan pelbagai kepakaran yang ada untuk tujuan yang melibatkan para penyelidik dalam pelbagai disiplin. USM mengharapkan kejayaan bagi usaha seperti ini dalam memajukan pelbagai disiplin yang ada", tambah beliau.

Sejurus ucapan tersebut, Naib Canselor dan Pro Canselor USM, Tan Sri Datuk Mustafa Mansur dan isteri mengiringi Tuanku Canselor dan D.Y.M.M. Tuanku Raja Perempuan Perlis untuk melawat pameran yang telah disediakan.

Turut hadir ialah Menteri Pendidikan Brunei Darussalam, Pehin Orang Kaya Kerna Dato' Seri Setia Haji Awang Abu Bakar Haji Apong, Pengerusi Lembaga Gabenor USM, Tan Sri Datuk Dr. Zulkefli A. Hassan dan isteri serta pegawai-pegawai utama USM dan kerajaan Brunei Darussalam.

. . . dan Ekspo Konvokesyen 2014



TUANKU Canselor Universiti Sains Malaysia, Tuanku Syed Sirajuddin ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail (kiri), diiringi Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal & Pembangunan Pelajar), Profesor Dr Adnan Hussein (dua dari kiri) merasmikan Ekspo Konvokesyen 2014 (ConvEx '14) sempena Upacara Konvokesyen ke-50 USM di Balai Pelenggang Cahaya.

Tuanku Canselor Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, telah merasmikan Ekspo Konvokesyen 2014 (ConvEx '14) pada 4 November 2014 di Balai Pelenggang Cahaya.

Baginda diiringi oleh Naib Canselor, Prof Dato 'Omar Osman dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar) Prof Dr Adnan Hussein.

Majlis santapan tengah hari bersama Tuanku Canselor dimulakan selepas ucapan perasmian oleh Prof Adnan.

Prof Adnan berkata sempena keberangkatan Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah bagi menerima Ijazah Kehormat Kedoktoran Undang-undang sempena Upacara Konvokesyen ke-50, diharapkan lebih banyak program pertukaran siswa-siswi boleh dianjurkan oleh badan-badan siswa-siswi USM bersama pertubuhan pelajar di Universiti Brunei Darussalam.

Tema ConvEx iaitu 'USM Nadi Masyarakat' pada kali ini bertujuan menzahirkan keprihatinan dan kesedaran siswa-siswi terhadap masyarakat sekeliling.

Pengarah ConvEx, Mazni Mohd Zuki berkata tema ini memperlihatkan dekatnya siswa-siswi dengan masyarakat.

Hasrat bergraduasi tidak kesampaian



HADIAH terakhir buat tatapan ibu bapa dan pembakar semangat untuk adik-adiknya Muhammad Fikri, Muhammad Naim dan Nurul Aqila untuk terus belajar di masa hadapan. Gambar oleh Nur Khalidah Abdul Halim

Hasrat Haji Jamaluddin Haji Kasa, 57, bersama pasangannya Hajah Zaini Haji Ishak, 51, melihat anak sulung mereka bergraduasi di Upacara Konvokesyen ke-50 USM tidak kesampaian apabila anak mereka meninggal dunia pada pertengahan September lalu.

Allahyarham Muhammad Afiq Jamaluddin, 24, ialah graduan Ijazah Sarjana Muda Seni (Seni Halus) diwakili oleh ibu bapa dan adik-beradik untuk menerima skrol yang disampaikan oleh Pro Canselor USM, Tan Sri Datuk Mustafa Mansur disaksikan oleh Naib Canselor USM, Prof Dato' Dr Omar Osman dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar) Profesor Dr Adnan Hussein di Bilik Kenamaan, Dewan Tuanku Syed Putra (DTSP).

Muhammad Afiq meninggal dunia setelah disahkan mengidap penyakit kanser perut selama tiga tahun.

Arwah juga terpaksa menangguhkan pengajiannya selama setahun pada tahun 2013 akibat penyakitnya sebelum menyambung pengajian tahun akhir.

Allahyarham ialah seorang yang aktif dalam persatuan seperti Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan juga memegang jawatan exco dalam persatuan di pusat pengajiannya. Selain itu, dia juga seorang yang aktif dalam sukan lasak seperti berkayak dan berbasikal.

Ibunya menyatakan bahawa arwah ialah seorang anak yang baik dan sangat rapat dengan adik-beradiknya.

Menurut Muhammad Fikri Jamaluddin, 20, arwah abangnya ialah seorang yang bertanggungjawab dan sering memberi nasihat supaya tidak mengabaikan ibu bapa mereka kelak.

Arwah juga ialah abang yang senang dibawa berbincang jika berlaku masalah dan menjadi rujukan utama dalam kalangan adik-beradik.

Terus bangkit walaupun dibuli

Oleh **NUR SYAHIDAH ABU BAKRI**

Dikategorikan sebagai graduan kurang upaya bukanlah satu masalah bagi Chong Kai Zhen, Ijazah Sarjana Muda Sains (Perumahan, Bangunan dan Perancangan) untuk berjaya. Beliau berjaya meraih Pingat Emas Naib Canselor Kategori OKU Cacat Pendengaran pada Upacara Konvokesyen ke-50 Universiti Sains Malaysia (USM).

Walaupun mempunyai masalah pendengaran, beliau mengambil kelemahan tersebut sebagai perkara positif. Cabaran terbesar bagi beliau ialah komunikasi. Orang sekeliling menggunakan teknik menulis dan memperlahankan percakapan jika ingin berkomunikasi dengan beliau.

Bergaul dengan pelajar yang tidak senasib dengannya sejak sekolah rendah tidak pernah membuatkan beliau berasa rendah diri walapun dibuli oleh rakan-rakan dan guru-guru semasa di sekolah menengah.

"Sejak di alam persekolahan hinggalah ke universiti, saya diajar untuk bergaul dan belajar dengan rakan-rakan yang lain, dan cabaran yang terbesar buat saya ialah untuk berkomunikasi dan pernah dibuli oleh rakan-rakan dan guru-guru semasa di sekolah menengah", ujar beliau.

Atas nasihat dari ibu bapa, beliau terus sabar dan belajar dengan bersungguh-sungguh.

Menurut bapa Kai Zhen, Chong Eng Heong, 48, beliau sangat gembira dengan kejayaan Kai Zhen buat kali kedua selepas kejayaan beliau pada tahun 2010 yang mendapat Anugerah Pelajar Cemerlang.

Tambah beliau lagi, Kai Zhen ialah seorang anak yang baik, fokus dalam pelajaran dan seorang yang ringan tulang.

Anak sulung kepada pasangan Chong Eng Heong dan Lee Siew Yoke turut menyimpan hasrat untuk melanjutkan pelajaran beliau di peringkat sarjana di USM agar beliau mampu untuk menolong orang yang senasib beliau ke arah yang lebih baik dan mendapatkan pekerjaan yang bagus.

Artis jemputan ConvEx '14 bantu tarik pengunjung

> Undangan artis jemputan ke ConvEx bukan sekadar hiburan tetapi bertujuan untuk menarik pengunjung supaya bantu para peniaga melariskan jualan mereka.

Oleh **HEMAWATHI SOMASUNDHARAM**

Segelintir siswa-siswi mempersoalkan kerelevanan Sekretariat ConvEx 2014 menjemput artis tempatan yang berlangsung 4 hingga 9 November 2014.

Menurut Pengarah ConvEx 2014, Mazni Mohd Zuki, undangan artis jemputan ke ConvEx bukan sekadar hiburan tetapi bertujuan untuk menarik pengunjung supaya bantu para peniaga melariskan jualan mereka. Selain persembahan artis, program bersifat keagamaan turut diberi perhatian bagi memeriahkan suasana tapak ConvEx.

Beliau menjelaskan bahawa Sekretariat ConvEx 2014 mengambil tiga bulan untuk mencari sumber penajaan bagi menampung perbelanjaan bagi memastikan kelancaran program.

Mereka turut menjana pendapatan daripada hasil jualan tapak niaga dan pameran.

Menurut Mazni, Sekreteriat ConvEx 2014 juga dibantu dan dibimbing oleh pegawai penasihat Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar (BHEEP).

Di samping itu, semua perancangan dan tentatif program turut dipantau dan diluluskan oleh pegawai penasihat.

"Saya tidak menerima apa-apa aduan daripada mana-mana pihak. Jika, siswa-siswi tidak puas hati dengan kunjungan artis, Sekretariat ConvEx 2014 memohon maaf. Namun, sambutan pada tahun ini amat memberangsangkan dan ConvEx meriah dengan pengunjung.," kata beliau.

Ruang Tapak Konvo jadi pertikaian



SESAK...keadaan diluar studio pengambaran yang dipenuhi dengan ibu bapa dan graduan yang menunggu giliran.

Perkhidmatan studio penggambaran telah disediakan di Tapak Konvo sempena Upacara Konvokesyen ke-50 di sebelah Dewan Tuanku Syed Putra (DTSP) Universiti Sains Malaysia (USM).

Ia bertujuan memudahkan graduan dan keluarga merakam kenangan. Namun, pelbagai aduan oleh pengurus operasi studio penggambaran berkenaan.

Menurut Pengurus Operasi Studio Catalia Creative, Hasbullah Halim, lokasi tapak yang diberikan kepadanya adalah terlalu sempit sehingga menjejaskan kelancaran operasi studionya dan menimbulkan kesesakan.

"Saya tidak berpuas hati dengan ruangan tapak yang diberikan kepada kami. Kami telah menyediakan 10 peralatan lengkap bersama jurukamera untuk memberikan perkhidmatan kepada pelanggan kami. Namun, apa yang terjadi ialah kami hanya mampu menyediakan 4 kelengkapan dan jurukamera mengikut ruangan yang disediakan", katanya.

Tambahnya lagi, situasi ini menyebabkan keadaan studionya menjadi sesak dan beliau dimarahi oleh pelanggan apabila mereka terpaksa menunggu lama berbeza dengan situasinya di universiti yang lain.

"Saya pernah dimarahi pelanggan. Ada antara mereka yang menuduh pengurusan kami memberikan perkhidmatan yang tidak setimpal dengan harga disebabkan oleh keadaan studio kami. Oleh itu, ada juga yang membatalkan sesi fotografi di studio kami", tegasnya.

Selain itu, beliau juga meluahkan rasa tidak puas hati berkenaan prosedur peminjaman jubah yang tidak membenarkannya meminjam untuk kegunaan studionya dan sebagai kemudahan siswa-siswi yang sudah menghantar jubah.

"Saya juga tidak faham berkenaan proses peminjaman jubah yang melarang saya untuk meminjam bagi kegunaan siswa-siswi USM. Apabila ditanya ke pihak atasan, mereka memberi alasan takut jubah itu disalahgunakan oleh siswa-siswi. Namun, saya tidak memahami dari segi apa penyalahgunaan tersebut sedangkan universiti lain memberi kebenaran untuk meminjam atau menyewa jubah", tegasnya lagi.

Ketua Jabatan Koridor Niaga Convex 2014, Niu Kim Leen berkata mereka telah menyediakan borong penyewaan tapak konveksyen untuk memudahkan urusan penyewaan lot. Peniaga boleh mendapatkannya sebanyak yang diingini bergantung kepada kekosongan.

"Pihak penganjur berusaha memenuhi segala permintaan peniaga. Oleh kerana Tapak Konvo USM ini lebih kecil berbanding tapak di universiti-universiti lain maka, ia menimbulkan ketidakpuasan hati sesetengah peniaga yang mungkin pertama kali datang ke sini. Dia berasa tempat yang kami sediakan adalah terhad tetapi hakikatnya kami sudah memberikan banyak kelonggaran kepada pengurusan studio termasuk memasang khemah tambahan", tegasnya.

Tambah Niu, pihaknya akan berusaha mengambil langkah efisien supaya dapat memperbaiki kekurangan yang wujud dan memenuhi kehendak peniaga pada masa akan datang.

Wartawan *Berita Kampus* akan membawa susulan kenyataan daripada pihak bertanggungjawab berkenaan peminjaman jubah pada edisi akan datang.

Persembahan artis jadi gangguan

Persembahan artis jemputan semasa Ekspo Konvokesyen 2014 (ConvEx'14) di Tapak Konvokesyen Universiti Sains Malaysia (USM) telah mengganggu siswa-siswi yang tinggal di University Heights (U Heights), yang terletak di hadapan USM.

Antara artis jemputan ConvEx'14 yang diadakan selama enam hari ialah Ziana Zain, Projek Disko Baldi (PDB) dan Sixth Sense.

"Persembahan yang dijalankan amat mengganggu dan kurang menyenangkan tetapi masih boleh diterima kerana hanya berlaku untuk beberapa hari sahaja", kata Hoa Ze Yong, penghuni U Heights.

Sebaliknya, penghuni U Heights, Cho Leh Jing mengatakan persembahan yang dijalankan tidak mengganggu kerana dia tidak mendengar sebarang bunyi yang kuat dari biliknya.

Yii Sy Lih pula mengatakan persembahan tersebut mengganggu dan menganggap jemputan artis membazir wang dan tidak berkaitan dengan upacara konvokesyen.

Penghuni U Heights, Lim Heng Kuan menganggap artis yang dijemput tidak mewakili USM.

"Saya tidak berasa ia adalah wajib untuk menjemput artis popular. Keadaan ini tidak berlaku untuk ConvEx'14 sahaja tetapi kebanyakan acara besar seperti USM Chinese New Year (CNY)", katanya lagi.

Menurut Pengarah Projek ConvEx'14, Mazni Mohd Zuki, kehadiran artis jemputan adalah untuk mengkomersialkan tapak ConvEx'14.

"Persembahan pentas yang kebanyakannya oleh artis diadakan untuk menarik pengunjung ke ConvEx'14 bagi membantu para peniaga melariskan gerai dan memeriahkan lot-lot pameran", jelasnya.

Mazni turut menambah bahawa bukan artis sahaja yang dijemput tetapi terdapat tetamu jemputan yang lain. Uztaz Haslim telah memberikan ceramah semasa malam dikir zikir bersama UNIC dan Upin Ipin juga hadir untuk memeriahkan pentas ConvEx'14.

Mazni berkata dia tidak menerima sebarang aduan daripada sesiapa berikutan ketidakpuasan mengenai gangguan yang diterima semasa persembahan ConvEx'14.

"Jika hal ini berlaku, kami di barisan ConvEx'14 memohon maaf dan kami akan cuba membaikinya pada masa akan datang agar perkara seperti ini tidak berlaku lagi", katanya lagi.

Dato' Siti Nurhaliza tidak hadir kerana demam

Sekreteriat ConvEx telah berjaya menanda tangani perjanjian untuk menjemput penyanyi tersohor Malaysia Dato' Siti Nurhaliza bagi mengadakan persembahan di Universiti Sains Malaysia (USM) bersempena dengan Upacara Konvokesyen ke-50. Namun kerana kurang sihat Dato' Siti terpaksa membatalkan persembahan beliau yang sepatutnya berlangsung pada tarikh yang dijanjikan.

Menurut pengarah projek ConvEx 2014, Mazni Mohd Zuki, Dato' Siti mengalami demam dan tonsillitis di dalam tekak yang menyebabkan Dato' Siti tidak boleh menyanyi dan akan mengganggu peti suara jika meneruskan persembahan.

"Sekreteriat ConvEx 2014 sememangnya kecewa kerana perancangan yang telah lama dibuat untuk membawa Dato' Siti ke USM dibatalkan dalam masa yang singkat, namun begitu Dato' Siti sendiri telah mengambil inisiatif untuk mencarikan pengganti beliau iaitu Ziana Zain", ujarnya.

Tambahan lagi, Sekretariat ConvEx 2014 berasa masalah tersebut dapat diselesaikan dengan cepat kerana mengadakan kerjasama dengan Pejabat Perundangan USM bagi mengadakan perjanjian dengan artis dan semua pihak yang terlibat.

"Dengan adanya perjanjian kami dapat menyelesaikan masalah ini dalam masa yang singkat dan Dato Siti juga tidak mengambil mudah dalam hal ini", jelasnya lagi.

Kelab Penyayang bantu OKU

Kelab Penyayang Universiti Sains Malaysia (USM) membantu melahirkan kesedaran masyarakat terhadap Golongan Kelainan Upaya (OKU) melalui projek Transformasi Orang Kurang Upaya Penglihatan (OKUP).

Yang Dipertua Kelab Penyayang, Syamsul Ahmad Samsu berkata, kelab mereka memulakan projek OKUP sejak Disember 2013 di bawah penyeliaan Yayasan Budi Penyayang Malaysia.

Projek yang merangkumi tiga fasa ini memberi fokus kepada kebajikan golongan OKU dengan memastikan masyarakat mendapat maklumat yang benar dan menyeluruh tentang mereka.

"Pada fasa pertama, kami bermula dengan penambahbaikan kemudahan di Pusat Pembangunan Orang Buta Pulau Pinang. Sebanyak RM6,700 dibelanjakan untuk membeli cat, perabot baru dan juga alat bantuan bagi golongan OKU di sana", katanya.

Projek Dining In The Dark yang diadakan pada 18 Oktober lalu ialah projek fasa kedua, bertujuan bagi mengumpul dana bagi disalurkan terhadap Pertubuhan Pembangunan Orang Buta Malaysia (PPOBM).

Tujuan utama projek ini ialah memberikan peluang kepada individu normal untuk merasai sendiri situasi yang dihadapi oleh OKU cacat penglihatan.

Tambah Syamsul lagi, projek OKUP ini diteruskan pada fasa ketiga dengan melibatkan pembinaan laman web khusus untuk memberikan info dan panduan berkaitan OKU serta

Sambutan Hari Tongkat Putih bertujuan untuk mendedahkan kepada masyarakat akan kaedah yang betul dalam membantu OKU.

Usaha Kelab Penyayang ini telah melayakkan mereka untuk merangkul tempat pertama dalam Anugerah Piala Sukarelawan Menteri Pendidikan Malaysia 2014 sekaligus mendapat geran menjalankan projek sukarelawan sebanyak RM25,000 daripada Kementerian Pendidikan Malaysia.

KUSISDARI bantu Orang Asli dekati teknologi maklumat

> *Student Knowledge Transfer Programme* adalah cara untuk memperkenalkan teknologi maklumat kepada masyarakat Orang Asli. Belia dan pelajar sekolah diberi peluang untuk menggunakan perisian komputer yang asas seperti Office Word, Powerpoint dan Excel.

Oleh **AISHAH HANIS AZMI**

Program anjuran Kumpulan Siswa-siswi Darul Ridzuan (KUSISDARI) telah dijalankan di Sekolah Kebangsaan Pos Kemar (SKPK), Gerik, Perak. Program Libatsama Universiti-Komuniti bersama masyarakat Orang Asli berlangsung selama tiga hari dua malam melibatkan siswa-siswi Universiti Sains Malaysia (USM), sekolah dan staf Pusat Teknologi Pengajaran & Multimedia (PTPM) USM.

Menurut Pengarah Projek, Muhamad Nasri Ahmad Azizi, objektif program itu untuk memberi pendedahan kepada masyarakat Orang Asli terutama pengetahuan teknologi yang penting pada masa kini.

Menurut Pembantu Exco Bahagian Student Knowledge Transfer Programme (SKTP), Nuraina Mohd Nasir, tugas beliau dalam program itu untuk melatih dan memberi pendedahan kepada belia dan pelajar SKPK mengenai teknologi.

"Saya rasa program ini berbeza dengan program lain yang hanya berdasarkan teori manakala program ini dijalankan secara praktikal. Siswa-siswi USM berpeluang membantu mereka mengenali teknologi dan menyelami kehidupan serta budaya mereka yang unik", jelas Nuraina.

"SKTP adalah cara untuk memperkenalkan teknologi maklumat kepada masyarakat Orang Asli. Belia dan pelajar sekolah diberi peluang untuk menggunakan perisian komputer yang asas seperti Office Word, Powerpoint dan Excel", tambah Nuraina.

Setiausaha Projek, Salam Farhanah berkata selain destinasi yang terpencil, mereka perlu menaiki bot merentasi tasik selama satu jam setengah dan menaiki kenderaan pacuan empat roda selama 35 minit.

Mereka juga berdepan dengan masalah ketiadaan air dan cuaca yang tidak menentu. Hal ini tidak menghalang niat mereka tetapi membuatkan siswa-siswi USM lebih bersemangat untuk membantu masyarakat di sana.

"Saya bersyukur kerana program ini berjalan dengan lancar.Kami dapat menangani semua cabaran walaupun banyak liku yang harus ditempuhi. Saya berharap agar program seumpama ini dapat diteruskan lagi oleh mana-mana persatuan atau kelab lain yang ada di USM", akhiri Nasri.

Persada lahirkan generasi baharu Felda



AHLI PERSADA USM….antara persatuan yang aktif melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti anjuran Felda.

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) telah menganjurkan Program Memperkasa Jati Diri Persada bertempat di Menara Felda, Kuala Lumpur. Program ini berlangsung bermula 8 hingga 9 November 2014.

Program bertemakan Di sini Lahirnya Sebuah Cinta menghimpunkan seramai 1330 penuntut daripada 20 Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) termasuk ahli Kelab Permuafakatan Siswa-siswi FELDA Universiti Sains Malaysia (PERSADA USM).

Lima teras FELDA adalah menjadi komuniti contoh luar bandar, warga peneroka menjadi golongan berpendapatan tinggi, Felda menjadi pelaku global, membangunkan generasi baru dan memperkukuhkan budaya Felda sebagai sebuah institusi.

Aktiviti yang dijalankan sepanjang program adalah penyampaian Watikah Pelantikan EXCO Majlis Presiden Majlis Perundingan Persada Kebangsaan (MPPK) dan Pengerusi Persada IPTA. Turut berlangsung juga 5 sesi pembentangan daripada setiap wakil kementerian, ikrar ahli Persada, Penyampaian Anugerah Mahasiswa Harapan, persembahan dari ISKAF dan ucapan perasmian daripada Pengarah Besar Felda, Datuk Faizoull Ahmad.

"Felda ialah sebuah agensi yang ditubuhkan pada tahun 1956 bertujuan untuk membasmi kemiskinan dalam kalangan masyarakat. Selama 50 tahun lebih Felda diterajui oleh peneroka generasi pertama. Kini, generasi baharu Felda menyambung delegasi ibu bapa untuk berkhidmat dan menaikkan nama Felda di peringkat global", ucap Pengarah Besar Felda, Datuk Faizoull Ahmad dalam ucapan perasmiannya.

Tambahnya lagi, kita harus bersatu padu dan terus mendoakan kesejahteraan agama dan negara supaya dapat membangunkan potensi generasi baharu Felda.

"Anugerah ini merupakan pertama kali yang saya terima sepanjang sidang ini. Saya harap setiap ahli Persada dapat memberikan kerjasama dan terus menyokong menaikkan nama Persada USM di seluruh IPTA di Malaysia", kata penerima Watikah Pelantikan Pengerusi Persada USM sidang 2014/2015, Mohamad Asri Hassan kepada Berita Kampus.

"Kami di Persada rasa bertanggungjawab untuk berbakti kepada Felda dan jangan malu untuk mengaku anak Felda kerana Felda sudah terkenal di mata dunia", ujar peserta Universiti Putra Malaysia (UPM), Noor Fazilatulakmar Doli.

BeKRIM pupuk budaya integriti dalam kalangan siswa-siswi IPTA

Integriti adalah salah satu nilai aspirasi yang terkandung dalam konsep 1Malaysia dan sangat penting dalam membentuk sebuah negara maju.

Selaras dengan itu, Bengkel Kepimpinan Rakan Intergriti Mahasiswa (BeKRIM) telah diadakan pada 14 hingga 16 November, di Kompleks Cahaya untuk melahirkan masyarakat yang progresif dan dinamik.

Bengkel ini juga mendapat kerjasama daripada Institut Integriti Malaysia yang berperanan sebagai penasihat kepada Sekretariat Rakan Integriti Mahasiswa.

Menurut Penolong Pengarah Kanan Sektor Sosiobudaya, Institut Integriti Malaysia, Mohd Hafidzi Che Md. Akhir, bengkel ini diadakan buat julung kalinya dengan melibatkan 8 Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

"Pada tahun-tahun lepas, kami mengadakan Kem Rakan Integriti Mahasiswa (KRIM). Manakala pada tahun ini, kami membuat perubahan dengan menganjurkan BeKRIM", katanya.

"Matlamat bengkel adalah untuk menjalinkan jaringan hubungan antara barisan Sekretariat RIM di peringkat IPTA, merancang program yang bakal dilaksanakan pada tahun hadapan dan mengadakan percambahan minda untuk hala tuju RIM pada masa hadapan sama ada di peringkat IPTA atau antarabangsa", jelasnya kepada Berita Kampus.

Menurut Pengerusi Sekretariat Rakan Integriti Mahasiswa USM, Nurul Azlinda Abd Razak bengkel ini dapat meningkatkan kerjasama dalam kalangan sekretariat RIM dan menjalinkan hubungan yang baik antara IPTA.

"USM telah dipilih sebagai tuan rumah atas keputusan En. Mohd Hafidzi. Kami sebagai Sekretariat Rakan Integriti Mahasiswa USM dengan berbesar hati menggalas tugas sebagai tuan rumah dengan sebaik mungkin", katanya.

"Saya berharap bengkel ini dapat meningkatkan kefahaman semua peserta mengenai hala tuju RIM dan mengaplikasikan maklumat yang diberikan untuk menjalankan program RIM pada masa hadapan" tambahnya lagi.

Kronologi pengiktirafan George Town sebagai Tapak Warisan Dunia

7 Julai adalah cuti umum bagi Pulau Pinang yang bertujuan menyambut ulang tahun perasmian bandar George Town sebagai Tapak Warisan Dunia (TWD) oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO).

Pengiktirafan itu akan menarik minat lebih ramai pelancong berkunjung ke kedua-dua bandar berkenaan, di samping menarik minat para pengkaji tempatan dan antarabangsa untuk membuat kajian terhadap tapak warisan itu.

Pengiktirafan ini bukan sahaja sekadar pengiktirafan kepada negara dalam mengurus tadbir tapak warisan sejarah, bahkan juga adalah pengiktirafan daripada badan antarabangsa tentang keupayaan Malaysia dalam memelihara dan memulihara tapak-tapak warisan yang mempunyai nilai tinggi.

Dalam mengecapi pengiktirafan ini, terdapat beberapa perkara yang diperjuangkan bagi mencalonkan George Town ini sebagai tapak warisan dunia. Peristiwa ini berlaku pada 1998 iaitu Malaysia menghantar dokumen bagi menyatakan niat mencalonkan George Town dan Melaka sebagai tapak warisan.

Penyenaraian Melaka dan George Town berdasarkan kriteria yang digariskan para 77 'Operational Guideline for Implementation' oleh Persidangan Warisan Dunia. (World Heritage Convention) Pencalonan Melaka dan George Town sebagai 'Historic Cities Of The Straits of Malacca: Melaka and George Town' bertepatan dengan Nilai Keunggulan Sejagat.

Pada tahun 2005, dokumen pertama dihantar bagi pencalonan Melaka dan George Town ke senarai warisan dunia UNESCO di World Heritage Centre (WHC) yang berpusat di Paris. Namun demikian, permohonan tersebut ditolak atas beberapa masalah teknikal yang tidak mencapai tahap kriteria Unesco.

Atas hasrat untuk menjadikan George Town dan Melaka sebagai tapak warisan dunia yang bernilai, dokumen dihantar semula ke WHC dan menjelang Mac 2007, penerimaan surat pengesahan daripada UNESCO, menandakan semua kriteria UNESCO bagi pencalonan TWD dipenuhi. Oleh itu, George Town dan Melaka mendapat garis panduan daripada UNESCO untuk menguruskan tapak warisan seperti pembahagian kawasan teras dan penampan di George Town.

Pada Julai 2007, jawatankuasa di UNESCO telah bermesyuarat di Christchurch, New Zealand telah mengesahkan secara formal pencalonan Melaka dan George Town. Kedua-dua tapak itu akan dinilai pada tarikh yang ditetapkan oleh International Council on Monuments and Sites (ICOMOS)

Pada 24 hingga 31 Ogos 2007, Melaka dan George Town menerima lawatan penilaian daripada seorang pakar yang dilantik oleh ICOMOS iaitu Prof. David Lung dari Hong Kong.

Proses ini berterusan sehingga Jun 2008 iaitu berlaku penghantaran maklumat tambahan serta maklum balas, sebagaimana yang diminta oleh ICOMOS bagi proses penilaian lanjutan. Pada 7 Julai 2008, Melaka dan George Town dengan rasminya telah diisytiharkan oleh WHC sebagai tapak warisan kebudayaan dunia.

Manakala, pada 1 Ogos 2008 sambutan bagi pengisytiharan oleh WHC sebagai tapak warisan kebudayaan dunia telah diadakan di Bandaraya Melaka.

Penetapan 7 Julai sebagai hari cuti umum telah diwartakan dalam Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 17 Disember 2009 dan Surat Pekeliling mengenai perkara ini telah dikeluarkan kepada semua Ketua Jabatan, Agensi Persekutuan dan Negeri serta Ketua Pengarah Pelajaran.

Pada bulan November 2008 majlis diadakan di Dataran Merdeka disempurnakan oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Mizan Zainal Abidin. Upacara perasmian penerimaan plak dan watikah pengiktirafan daripada UNESCO kepada kerajaan Malaysia dilaksanakan dengan penuh adat istiadat kerajaan Melayu lama termasuk perarakan bergajah dan berkuda.

George Town: Warisan Malaysia untuk dunia



Bangunan lama yang diberi nafas baru untuk memastikan bangunan di George Town terpelihara.

Bunyi bingit kenderaan membelah kesunyian pagi di Lebuh Acheh, George Town, Pulau Pinang. Kelihatan para pekedai mula menaikkan tirai besi yang menutupi kedai mereka. Barangan jualan seperti kraftangan diletakkan di hadapan kedai masing-masing.

Beberapa orang pelancong tekun meneliti peta di tangan mereka. Bau kopi yang harum terbit daripada kedai kopitiam yang dipenuhi oleh golongan berusia sedang bermain dam.

Sengihan tanpa gigi terukir di wajah apabila berjaya memintas lawannya dalam permainan tersebut. Di sebalik kesibukan dan kemodenan hidup di George Town menonjol sebagai warisan yang masih bernyawa sehingga kini.

Pada tanggal 7 Julai 2008, bandar Melaka dan George Town telah disenaraikan secara bersama sebagai Tapak Warisan Dunia (TWD) oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO) melalui mesyuarat World Heritage Committee (WHC) yang diadakan di Quebec, Kanada.

Kedua-dua bandar ini telah disenaraikan sebagai bandar bersejarah di persisiran Selat Melaka setelah melalui beberapa proses sebelum diberikan status tersebut.

Menurut Rozaini Hassan, pegawai penyelidik dan pengetahuan di Pejabat Warisan Dunia George Town (GTWHI) selaras dengan pengiktirafan tersebut, ahli jawatankuasa khusus warisan Pulau Pinang di Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) diserapkan ke ibu pejabat GTWHI yang kini bertempat di Lebuh Acheh.

GTWHI ialah satu badan khas yang memberi panduan dan mewujudkan peraturan bagi memastikan warisan di bandar tersebut terpelihara.

Tambahnya lagi, pelan pengurusan warisan bandar bersejarah George Town telah menjelaskan bahawa penubuhan GTWHI bagi memantau pelaksanaan dan pengendalian pengurusan tapak, merangkumi hal-hal berkaitan penjenamaan, promosi, pelancongan, pengangkutan awam, keselamatan, penyelidikan, kajian-kajian impak, penterjemahan tapak, kesedaran awam dan memberi khidmat nasihat berkaitan warisan.

Menurut Rozaini, sebelum pengiktirafan, UNESCO meletakkan syarat OUV (Oustanding Universal Value) atau nilai keunggulan sejagat yang perlu dipenuhi bagi melayakkan bandar ini diiktiraf. OUV ialah idea atau nilai yang diktiraf sejagat dan penting dalam mempengaruhi ketamadunan manusia.

"OUV yang melayakkan George Town dipilih ialah sebagai pusat tumpuan perdagangan, mempunyai tinggalan warisan berharga dan senibina bangunan unik mengikut zamannya", katanya.

KEPENTINGAN MEMELIHARA WARISAN

Menurut penyelaras program di GTWHI, Osman Said, semenjak penyenaraian George Town sebagai TWD, popularitinya semakin meningkat dalam kalangan pelancong luar dan dalam. Mereka mula berpusu-pusu menghayati seni bangunan tinggalan, menghirup kopi di kafe butik dan bergambar bersama-sama mural yang dilukis secara rawak di bangunan sekitar tapak tersebut.

Hal ini telah mengukuhkan status Pulau Pinang sebagai hab pelancongan Malaysia.

Tambah Osman lagi, Tapak Warisan Dunia UNESCO ini terbahagi kepada zon utama dan zon penampan. Zon utama ialah zon yang paling penting dalam pemeliharaan tapak ini.

Premis di sekitar zon ini dikenakan peraturan yang lebih ketat berkenaan pengekalan bentuk senibina kawasan sekitar manakala zon penampan bertindak sebagai pelindung dan penanda pengekalan warisan yang dilakukan dalam kawasan tersebut. Namun begitu, kedua-dua zon mempunyai kepentingan yang sama dan perlu dipelihara.

Osman menambah lagi bahawa, penyesuaigunaan bangunan bersejarah sebagai hotel, kafe, muzium, kedai dan galeri seni di George Town merupakan serampang dua mata yang mana kerja penyesuaigunaan bukan sahaja dapat menyelamatkan bangunan bersejarah daripada pupus tetapi secara tidak langsung dapat membantu industri pelancongan di kawasan tersebut.

Usaha untuk mengguna semula bangunan bersejarah sedia ada ialah langkah yang perlu diambil agar generasi akan datang berpeluang untuk melihat, menikmati dan mempelajari apa yang terkandung disebalik bangunan bersejarah yang ada.

"GTWHI sentiasa komited dalam memberikan panduan kepada para peniaga, pelancong dan kontraktor supaya nilai warisan itu sentiasa terpelihara. Bukan perkara

mudah untuk mendidik masyarakat dalam usaha pemeliharaan warisan ini, tetapi kami mampu menarik nafas lega kerana sudah ramai yang sedar akan kepentingannya", katanya.

CABARAN

Menurut Rozaini pula, selepas pengisytiharan George Town sebagai TWD, masalah utama yang dihadapi oleh GTWHI untuk mengekalkan status tersebut ialah kaedah untuk mengekalkan nilai OUV yang semakin terhakis disebabkan perubahan yang dilakukan oleh pemilik kedai terhadap premis mereka.

Pembangunan pesat akan menjejaskan imej zon warisan yang tentunya akan dimamah era globalisasi yang tidak terkawal.

Kesan proses urbanisasi akan memberi tekanan di kawasan sekitar zon warisan sedunia.

Selain itu, terdapat segelintir pemilik kedai yang mementingkan keuntungan sehingga sanggup menukar sepenuhnya reka bentuk bangunan.

"Terdapat peniaga yang degil dengan tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan kami. Mereka dengan sesuka hati mengubah fasad dan warna cat di hadapan kedai. Ada juga yang menggunakan bahan yang dilarang semasa melakukan penyesuaigunaan", katanya.

TANGGUNGJAWAB KITA DALAM MEMELIHARA WARISAN DUNIA

Kerajaan negeri dengan kerjasama GTWHI telah melaksanakan pelbagai aktiviti kemasyarakatan melibatkan semua kaum dan budaya bagi memperkasa serta memelihara tapak warisan dunia ini.

Pelbagai program berbentuk pendidikan, hiburan, pameran seni diadakan untuk memberikan kefahaman kepada masyarakat akan erti warisan

Osman berkata bahawa golongan masyarakat juga seharusnya menyokong dan menerima dengan positif akan usaha yang dijalankan oleh kerajaan untuk mengekalkan status ini.

Garis panduan khas yang telah disediakan UNESCO ialah panduan yang digunakan oleh pihak yang terbabit dalam kerja penyesuaigunaan bangunan warisan.

"Bangunan ialah aset utama yang diberi perhatian untuk dipulihara sebaiknya kerana ia merupakan warisan nyata yang mempunyai berbagai nilai sejarah dan seni bina.

Kegagalan di dalam mematuhi garis panduan dan peraturan yang telah ditetapkan boleh memberi impak yang buruk terhadap status ini", katanya mengakhiri perbualan.

Berita Kampus seterusnya pada Isnin, 8 Disember akan menyiarkan rencana 'Lebuh Acheh - Jejak warisan Islam di George Town. Nantikan!

Peraturan pulihara bangunan warisan

Pada tahun 2009 garis panduan pulihara bangunan warisan telah dinaik taraf kepada peraturan yang dikuatkuasakan. Peraturan yang ditetapkan oleh George Town World Heritage Inc (GWTHI) meliputi kawasan teras dan kawasan penampan.

GWTHI yang menetapkan peraturan dan menyerahkannya kepada Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO), badan dunia yang menilai dan mengesahkan status warisan dunia.

Terdapat dua kategori memulihara bangunan. Kategori pertama adalah rumah ibadat dan institusi kerajaan. Bangunan kategori satu tidak boleh diubah suai di bahagian luar dan dalam kecuali untuk baik pulih sahaja.

Jika ada bahagian bangunan yang rosak ia perlu dibaik pulih menggunakan bahan yang asal. Kategori kedua pula merangkumi rumah kedai yang dibenarkan penggunaan semula bangunan. Namun pasak bangunan perlu dikekalkan dan bahagian dalam boleh diubah suai mengikut perancangan penggunaan bangunan.

Manakala dua kategori pembangunan semula iaitu tapak kosong menggantikan bangunan moden yang berada di sekitar bangunan warisan. Bangunan dalam kategori ini boleh dirobohkan dan dibina semula.

Terdapat kawalan ketinggian dan bentuk bangunan sebagai garis panduan. Pemilik bangunan yang ingin mengubah suai perlu menghatar perancangan untuk mengubah struktur bangunan kepada GWTHI untuk kelulusan.

Peraturan yang ditetapkan oleh GWTHI untuk membina bangunan baru adalah ketinggian tidak melebihi 18 meter dari lantai ke cucuh bumbung. Pemantauan dilaksanakan oleh jawatankuasa khusus iaitu Panel Teknikal Kajian Semula di peringkat Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP).

Jawatankuasa khusus itu ditubuhkan bagi memastikan bangunan yang dibina semula itu tidak menjejaskan Nilai Keunggulan Sejagat (OUV).

Koleksi mainan klasik mengamit memori



Antara koleksi permainan klasik yang menjadi tumpuan di Ben's Vintage Museum.

Di tengah pelusuk Lebuh Acheh, George Town, terletak sebuah muzium yang mempunyai pameran yang sangat unik, iaitu mainan klasik. Ben's Vintage Toy Museum yang telah dibuka sejak tahun 2009 mempunyai pameran mainan klasik yang terdiri daripada pelbagai jenis – robot, permainan tin, patung lama, permainan konsol, model kereta, dan macam-macam lagi daripada zaman 1930-an sehingga1990-an.

Muzium unik ini diasaskan oleh seorang penjual dan pengumpul barang-barang antik, Malik Ariffin yang lebih dikenali sebagai Ben. Namun, pada masa ini muzium ini diuruskan oleh anak beliau, Najwa Ariffin kerana Ben berada di Kuala Lumpur untuk menguruskan perniagaan antik beliau.

MAINAN ANTIK WARISAN KELUARGA

Menurut Najwa, keluarganya telah terlibat dengan perniagaan barang-barang antik sejak dahulu lagi dan atas sebab tersebut telah wujud koleksi permainan antik yang banyak di rumahnya sejak usianya masih kecil lagi.

"Atuk dan bapa saya merupakan pengendali barangan antik dan ayah saya banyak menyimpan mainan klasik yang telah dijual kepadanya oleh orang ramai. Semasa saya kecil, saya juga bermain dengan mainan klasik ini. Ayah saya mendapat ilham untuk membuka muzium ini akibat koleksi mainan di rumah kami yang semakin bertambah," katanya.

Kebanyakan permainan yang terdapat di Ben's Vintage Toy Museum merupakan mainan lama yang masih boleh berfungsi dan berada dalam keadaan yang baik. Mainan yang dipamerkan di muzium ini terdiri daripada zaman 1930-an sehingga 1990-an.

TRANSFORMASI KEDAI KITAB LAMA

Sebelum Ben mengambil alih rumah kedai klasik yang dijadikan Ben's Vintage Toy Museum, kedai tersebut pada asalnya ialah bangunan wakaf yang dijadikan tempat menjual al-Quran. Ben telah mengambil alih bangunan tersebut daripad pemilik asalnya yang sudah tua. Apabila bangunan tersebut ditukar miliknya, bangunan tersebut berada dalam keadaan yang terbiar; lantai di tingkat atas sudah reput dan tidak boleh digunakan.

"Ayah saya telah membelanjakan sebanyak RM30,000 untuk membaik pulih bangunan ini. Dia menanggung kos ini dengan mendapatkan dana daripada rakan-rakannya yang menjadi pelabur serta daripada modal sendiri. Kos itu telahpun dibayar balik oleh ayah saya hasil penjualan tiket kemasukan untuk muzium ini," kata Najwa.

CABARAN PENGENDALIAN

Ben's Vintage Toy Museum mendapat kunjungan yang paling banyak pada musim cuti sekolah, yang mana pendapatan muzium mencapai sehingga RM2,000 sehari. Namun, pada hari-hari biasa, muzium ini menghadapi cabaran untuk mendapatkan jumlah pengunjung yang ramai.

Selain itu, terdapat juga masalah kerosakan mainan akibat daripada kekasaran pelanggan.

"Bagi saya, adalah penting untuk kita menjaga permainan yang telah diwarisi sejak turun-temurun ini. Kami biasanya akan simpan balik mainan dalam kotaknya di stor apabila tidak dipamerkan," kata Najwa.

MEMELIHARA TINGGALAN ZAMAN KOLONIAL

Dalam konteks mengekalkan warisan tempatan, Najwa berpendapat bahawa terdapai nilai sejarah yang mendorong keperluan untuk mengasaskan muzium ini.

"Kanak-kanak zaman sekarang tidak mempunyai peluang untuk tengok permainan yang dimainkan pada zaman ibu bapa dan datuk nenek mereka. Mainan zaman sekarang kebanyakannya cepat rosak dan berbahaya manakala pada zaman dulu, mainan diperbuat daripada tin dan kayu yang bertahan lama. Selain itu, mainan antik mempunyai unsur realisme, contohnya pistol mainan akan dibuat mirip pistol sebenar," katanya.

Najwa menambah bahawa permainan klasik mampu membuat si pemainnya mengeluarkan peluh, sihat dan aktif, berbeza dengan mainan moden yang tidak melibatkan pergerakan badan.

Harga tiket untuk Ben's Vintage Toy Museum adalah RM6 (dewasa) dan RM3 (kanak-kanak).



Dataran padi memukau pandangan

Oleh SHARMILA PREMAL

Sawah padi terbentang luas di sini dan sana bagai sawah menyelimuti muka bumi. Hamparan sawah padi yang menghijau, layang-layang berterbangan di udara dan suara kanak-kanak ketawa keriangan menghiasi suasana. Keindahannya begitu menggamit hati sehinggakan orang luar dari kampung itu terutama pelancong asing yang melalui jalan itu sanggup memberhentikan kenderaan mereka di bagi menghayati pemandangan itu atau mengabadikannya menerusi lensa kamera. Tidak keterlaluan dikatakan bahawa pemandangan sawah padi di kampung itu adalah antara pemandangan yang tidak ternilai umpama gambar lukisan dan sewajarnya ia terus dikekalkan untuk tatapan generasi akan datang.

Dataran Tanjung Karang ialah satu kawasan penanaman padi di negeri Selangor yang tidak kurang popularitinya seperti dataran lain di Kedah, Kelantan, Perlis, Terengganu dan Perak. Bahkan dataran Kedah dan dataran Kelantan sudah dikenali sebagai jelapang padi negara.

Keasyikan saya memerhati kehijauan sawah padi ini dari dalam kereta disentap oleh aksi seorang pakcik yang memikul basikalnya menyeberang lapangan sawah padi untuk ke jalan utama di sebelah sawah. Memang itu cara terbaik untuk menyerangi sawah padi. Jika dikayuh juga basikal itu, potensi untuk jatuh ke dalam sawah amatlah tinggi.

Sungai Burong adalah satu kawasan bahagian kecil Tanjung Karang yang turut ditumpukan bagi tanaman padi. Tanaman padi di kawasan ini diusahakan oleh Encik Jaafar Juman atau lebih dikenali orang orang kampungnya sebagai Pak Apai.

Tanaman padi ini dilakukan di bawah program usahawan bimbingan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Tanjong Karang yang mempunyai dua buah tapak semaian benih padi iaitu di Sungai Burong dan Sawah Sempadan.

Kos membangunkan ke dua-dua tapak semaian ini ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan manakala modal operasinya dikeluarkan oleh PPK Tanjong Karang sendiri.

Pak Apai yang berketurunan Banjar adalah generasi ketiga yang menyumbang kepada pertanian di Sungai Burong. Beliau mengambil alih dan mempelajari segala kemahiran daripada arwah bapa beliau dan tanah milikinya tersebut diterokai oleh datuk Pak Apai yang berasal dari Jawa, Indonesia. Minat yang mendalam serta kemahiran yang sedia ada dalam diri beliau mendorong Pak Apai meneruskan usaha tanaman padi itu.

Orang Banjar yang datang ke Tanah Melayu adalah berasal dari Kalimantan dan Sumetera Tengah, Indonesia. Daerah utama penempatan asal orang Banjar adalah daerah Balangan, Amuntai, dan Martapura. Daerah-daerah tersebut adalah kawasan penanaman padi. Oleh yang demikian, mereka yang berhijrah ke Tanah Melayu adalah petani-petani yang mahir dalam penanaman padi. Masyarakat Banjar ini juga lebih dikenali dengan kemahiran membuat peralatan dari besi, seperti peralatan pertanian dan senjata. Asal-usul Pak Apai juga menjadi satu dorongan yang besar kepada beliau menceburi pertanian.

Perwatakan Pak Apai amat disenangi oleh penduduk kampung Sungai Burong. "Sifatnya yang ramah mesra, prihatin, rendah diri dan suka menolong adalah punca utama Pak Apai dikenali ramai di kampung beliau", kata Ismawati yang berada di gerai Pak Apai ketika kami mengunjunginya.

Lawatan saya ke kampung Sungai Burong menjadi lebih bermakna apabila saya berpeluang meluangkan masa dan berkongsi pandangan dengan beliau. Pak Apai juga melakukan perniagaan pemborongan hasil tanaman pertanian yang lain seperti buah-buahan tempatan, ubi keladi, kelapa, dan makanan yang diproses seperti kerepek dan acar buah. Beliau mengalu-alukan kedatangan tetamu ke kedainya dengan memberikan mereka merasa hasil tanaman yang ada di kedai beliau. Pak Apai beliau amat gembira dengan hasil tanaman padi dan tanaman pertanian lain kerana ia menyumbang pendapatan yang secukupnya bagi beliau.



[ATAS] INDAH... suasana dataran padi di Tanjung Karang yang memukau pandangan orang ramai terutama pelancong asing.
GIGIH... Pak Apai memotong buah kelapa untuk dihidangkan kepada tetamu yang datang mengunjungi gerainya.

Tanah seluas tujuh ekar itu diusahakan sendiri oleh Pak Apai seperti yang dilakukan oleh arwah datuk dan ayahnya sebelum ini. Peningkatan teknologi memudahkan lagi kerja beliau kerana proses penyemaian padi yang mengambil masa selama tiga hari sebelum ini dapat beliau siapkan dalam tiga jam untuk satu ekar menggunakan mesin yang terbaru dan orang upahan yang sedikit.

Hal ini menjimatkan lagi kos upahan dan masa Pak Apai. Beliau juga amat berpuas hati dengan kualiti hasil tanaman yang diperolehi melalui penggunaan teknologi terkini.

"Kekurangan saluran bekalan air dan masalah serangga perosak memang menjadi satu cabaran kepada saya terutamanya di musim penyemaian. Kekurangan pengaliran air boleh menyebabkan sawah menjadi kering dan hasil tanaman tidak begitu memuaskan lebih-lebih lagi pada musim panas", kata Pak Apai.

"Serangan penyakit, haiwan dan serangga perosak seperti tikus, burung dan serangga lain boleh kurangkan hasil padi. Penanaman padi bergantung kepada hujan. Hujan yang terlampau banyak atau terlalu kurang boleh menjejaskan hasil padi atau memusnahkan pokok-pokok padi. Selain itu, kebanyakan petani golongan miskin tidak mampu membeli peralatan moden, baja, racun serangga dan tidak mahir menggunakan jentera dan akibatnya hasil pengeluaran kurang memuaskan", kata Pak Apai lagi.

Ketika berkongsi pengalaman hidupnya dan pertanian, Pak Apai menyatakan rasa kecewa kerana beliau mungkin terpaksa menjual tanahnya kepada orang lain. Walaupun mempunyai tiga orang anak lelaki, tiada di antara mereka yang berminat dalam pertanian. Pak Apai juga berasa kurang berkeyakinan terhadap anak-anaknya untuk menjaga dan meneruskan pertanian yang sedang dilakukannya.

Beliau lebih sudi menjual tanah itu kepada pihak luar untuk meneruskan pertanian daripada membiarkan tanah itu hilang kesuburannya. Beliau juga risau anaknya mungkin akan menyalahgunakan tanah itu dengan menggunakannya untuk tujuan bukan pertanian lagi.

Pak Apai berharap agar beliau dapat menyerahkan tanah tersebut ke tangan orang yang boleh dipercayai dan mampu meneruskan pertanian tersebut.

Generasi muda memandang bidang pertanian sesuatu yang tidak dapat maju pada masa akan datang dan terlalu bergantung kepada perkembangan teknologi. Ramai yang tidak menyedari bahawa pertanian adalah satu sset negara yang mampu membantu seseorang perolehi pandapatan yang lumayan berbanding bidang teknologi.

Gabungan yang sesuai di antara bidang pertanian dan teknologi dapat meningkatkan pengeluaran hasil pertanian negara dan pada masa yang sama mengekalkan aktiviti pertanian ini.

Oleh **SHANGITHA SADAYAN**

Beri maklum balas di saluran rasmi USM, bukan sekadar rungut dalam laman sosial

Kemudahan wifi tidak memuaskan, cermin bilik pecah, cerek elektrik berkarat, water cooler rosak, kertas projek belum diluluskan.

Demikianlah bunyi sebahagian status yang dikirim di halaman facebook oleh segelintir siswa-siswi Universiti Sains Malaysia (USM).

Arus pemodenan telah mewujudkan pelbagai aplikasi canggih atas talian yang menjadi medium kepada individu celik huruf untuk menyuarakan pendapat mereka tanpa sebarang batasan di mana jua pada sepanjang masa.

Laman-laman sosial seperti facebook, twitter, instagram, dan sebagainya memudahkan siswa-siswi USM mengirim pelbagai status untuk tatapan orang ramai tanpa mengambil kira kesan sampingan yang mungkin dialami oleh pihak lain.

Laman USM Info Sharing Corner dan USM Love Confession ialah contoh yang terbaik untuk mengimbas satu per satu status bersifat rungutan dan kritikan oleh siswa-siswi terhadap sebarang masalah berkaitan dengan kemudahan universiti hampir pada setiap hari.

Persoalannya adalah, sejauhmanakah kerelevenan tindakan siswa-siswi yang mengirim ratusan status mengenai masalah yang dihadapi di laman sosial tanpa menggunakan saluran yang betul dan sahih?

Adakah aduan siswa-siswi melalui laman sosial akan diambil tindakan oleh pengurusan universiti?

Apakah kegunaan perkhidmatan ServisDesk di USM sekiranya siswa-siswi hanya membuat rungutan di alam maya?

Mengapa siswa-siswi gagal menggunakan saluran yang sahih untuk membuat aduan?

SALURAN MAKLUM BALAS DI USM

USM menyediakan pelbagai platform yang efektif agar siswa-siswi dapat menyalurkan maklum balas terhadap sebarang perkara berkaitan dengan kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan di institusi ini agar tindakan susulan dapat diambil dengan segera.

One Stop Center memudahkan urusan pelaksanaan projek oleh siswa-siswi USM. Dengan adanya perkhidmatan ini, segala urusan yang melibatkan aktiviti siswa-siswi akan dipusatkan di bawah satu bumbung di mana siswa-siswi tidak perlu berurusan dengan banyak pihak bagi mendapatkan kelulusan untuk menjalankan sesuatu projek.

Perkhidmatan ini seharusnya digunakan oleh siswa-siswi sebaik mungkin jika menghadapi sebarang masalah dalam menjayakan projek yang dirancang dan tidak perlu mensia-siakan masa dengan mengirim pelbagai bersifat rungutan.

Menurut Timbalan Pendaftar, Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar (BHEPP), Tuan Haji Husin Yahya, unit-unit yang mewakili jabatan yang terdapat di dalam USM seperti Jabatan Pembangunan, Jabatan Pendaftar, Pusat Teknologi Pengajaran dan Multimedia (PTPM) serta BHEPP ditempatkan dalam tempat yang sama menerusi pendaftaran e-projek.

Ini akan memudahkan urusan siswa-siswi kerana persatuan yang cepat mendaftar akan mendapat kelulusan secepat mungkin (Berita Kampus, 5 Mei 2014).

ServisDesk pula ialah sebuah sistem yang digunakan oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) USM untuk mengurus maklum balas pelanggan daripada kalangan warga kampus.

Perkhidmatan ini digunakan di 10 buah desasiswa yang melibatkan Kampus Induk USM, Kampus Kejuruteraan dan Kampus Kesihatan serta di Pusat Pengetahuan, Komunikasi dan Teknologi (PPKT), USM.

ServisDesk menjadi medium utama kepada siswa-siswi untuk melaporkan sebarang bermasalahan kaitan dengan perkhidmatan dan kemudahan di USM sepanjang tempoh pengajian mereka di universiti ini.

Perkhidmatan atas talian ini bersifat mesra pengguna sekaligus menjimatkan masa pengadu kerana mereka tidak perlu bergerak ke suatu lokasi khas dan kini semuanya berada di hujung jari. USM melakukan penambahbaikan terhadap sistem ini dari semasa ke semasa untuk keperluan seluruh warga kampus.

Oleh itu, siswa-siswi tidak seharusnya mempertikaikan usaha USM yang telah menyediakan saluran rasmi untuk memudahkan proses memberikan maklum balas.

DARI KACA MATA WARGA KAMPUS USM

Menurut Timbalan Naib Canselor, Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar (BHEPP) USM, Profesor Adnan Hussein, siswa-siswi seharusnya berjumpa dengan pihak berwajib untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi tanpa menggunakan saluran yang salah.

Beliau menambah, siswa-siswi gemar menggunakan laman sosial sebagai medium untuk tujuan publisiti tetapi bukan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi. Semua staf USM telah diminta untuk memerhatikan tindak-tanduk siswa-siswi khususnya melalui laman sosial dari semasa ke semasa.

ServisDesk memainkan peranan yang penting dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh siswa-siswi USM, namun jika tidak digunakan secara optimum akan merugikan pihak universiti kerana kos penyelenggaraannya yang agak tinggi.

"Jikalau siswa-siswi tidak menggunakan saluran yang betul untuk membuat aduan, proses untuk mengambil tindakan terhadap masalah yang dihadapi adalah secara kebetulan dan kadang-kala mungkin boleh terlepas pandang oleh USM.

Siswa-siswi seharusnya menghormati universiti ini agar tidak mewujudkan persepsi yang negatif terutamanya dalam kalangan orang luar terhadap kredibiliti USM sebagai universiti Apex", jelasnya.

Apabila ditanya pendapatnya terhadap status yang dikirim oleh siswa-siswi dalam laman sosial, Profesor Adnan menekankan, sekiranya individu tersebut mempunyai niat yang baik untuk menyelesaikan masalah, maka bahasa yang digunakan sudah tentunya sopan dan tidak akan sesekali mencuba mengaibkan USM.

Kebanyakan penghuni desasiswa juga kurang peka terhadap kemudahan ServisDesk yang disediakan oleh pengurusan desasiswa untuk melaporkan sebarang masalah kerosakan.

Menurut Penggawa Desasiswa Indah Kembara, Encik Mohd Zain Dollah, pengurusan desasiswa tidak dapat mengambil sebarang tindakan yang efektif sekiranya para penghuni tidak melaporkan sebarang kerosakan ataupun masalah yang dihadapi.

"Penyelia asrama yang bertugas masih melakukan rondaan dari semasa ke semasa namun kadang kala terlepas pandang terhadap sesetengah kerosakan pada kemudahan yang disediakan. Sebagai penghuni, mereka harus bertanggungjawab melaporkan perkara ini untuk kebaikan bersama", katanya.

Menurut Nurul Illi Izyan Omar, Sains Farmasi 3, ServisDesk adalah mudah untuk digunakan. Ia membantu penghuni untuk membuat laporan secara pantas dan memudahkan pihak pengurusan untuk mengambil tindakan yang sewajarnya.

"Maklumat mengenai saluran aduan seperti ServisDesk seharusnya diuar-uarkan oleh siswa-siswi melalui laman sosial tanpa membuat rungutan yang tidak mampu mendatangkan sebarang faedah", Illi menambah.



LAMAM ServisDesk yang disediakan oleh USM untuk memudahkan urusan maklum balas daripada siswa-siswi.

TINDAKAN YANG DIKENAKAN

Profesor Adnan juga mengingatkan bahawa terdapat beberapa hukuman yang mungkin dikenakan sekiranya siswa-siswi ingkar larangan am di bawah peruntukan Kaedah-Kaedah Universiti Sains Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999 [P.U (A) 266/1999].

Siswa-siswa sekiranya dikenalpasti melalui siasatan terperinci telah mengaibkan nama universiti di laman sosial boleh dikenakan hukuman seperti mana yang dinyatakan dalam larangan am institusi ini iaitu:

Siswa-siswi tidak boleh menjalankan urusannya, sama ada di dalam kampus atau di luar kampus dalam apa-apa cara yang merosakkan atau memudaratkan –

i) Kepentingan, kesejahteraan atau nama baik Universiti, mana-mana pelajar, kakitangan, pegawai atau pekerja Universiti atau

ii) Ketenteraman atau keselamatan awam, moral, kesopanan atau tatatertib

Tindakan yang akan diambil terhadap siswa-siswi yang disabitkan atas kesalahan tersebut adalah:

i) Didenda tidak melebihi RM200

ii) Diberi amaran

iii) Dilarang daripada mana-mana bahagian atau bahagian tertentu universiti bagi tempoh yang ditetapkan

iv) Digantung daripada menjadi siswa-siswi universiti bagi tempoh yang ditetapkan

v) Dipecat dari universiti

"Pensyarah juga harus memainkan peranan dengan mewujudkan kesedaran dalam kalangan siswa-siswi terhadap penyalahgunaan laman sosial. Siswa-siswi perlu bertanggungjawab dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi melalui saluran rasmi USM untuk kebaikan bersama," jelas Profesor Adnan.

Rezeki ada di mana jua

Oleh **ALIANA HAMIMI BINTI AMRAN**

Beep . . beep . . beep. Tidak henti-henti mesej masuk. Setiap seminit pasti telefon bimbit memberi isyarat. Beginilah rutin harian Mira.

Bertuahnya individu yang hanya ingin dikenali dengan nama Mira kerana memiliki segala-sagalanya di dalam hidupnya. Gadis berkulit putih gebu ibarat bayi ini ingin berkongsi kisah hidupnya mengenai kejayaan beliau dalam menjalankan perniagaan secara dalam talian.

Kemajuan yang dikecapi menerusi perniagaan dalam talian iaitu melalui perisian 'instagram' telah mengubah taraf kehidupannya dengan mendadak.

Beliau yang merupakan graduan lepasan UiTM Arau dan pernah berkhidmat di syarikat swasta di Kuala Lumpur tidak pernah menyesal mengambil keputusan untuk meletakkan jawatan di syarikat tersebut kerana ingin menumpukan sepenuh perhatian terhadap perniagaan dalam talian beliau.

Gadis gigih ini memilih produk kecantikan untuk diniagakan. Sebelum mengambil keputusan untuk menjual produk ini, beliau telah berpuas hati dengan kesan produk tersebut yang beliau telah aplikasikan ke atas dirinya dalam tempoh beberapa bulan.

Kulit beliau pada dahulunya tidaklah begitu cerah dan putih seperti sekarang. Produk kecantikan Emilay kini mendapat sambutan hangat di pasaran.

"Dahulunya saya tidaklah seperti sekarang. Setelah menggunakan produk ini selama lebih kurang dua tahun, perubahan drastik dapat saya rasakan terjadi pada diri saya. Rakan-rakan juga mula meminta saya untuk kongsikan rahsia. Mulalah terdetik di hati untuk menjual produk ini," tambah beliau.

Pada mulanya, Mira tidak berani mengambil risiko untuk mengambil stok terlalu banyak kerana bimbang akan mengalami kerugian. Namun, beliau menggunakan pendekatan dengan membuat pesanan awal bagi mengelakkan kerugian. Walaupun untung yang diperolehi sedikit namun beliau tetap bersyukur dengan rezeki Allah.

Keuntungan yang dikumpul sedikit demi sedikit beliau jadikan modal untuk mengambil stok produk dalam kuantiti yang lebih banyak. Jadi, keuntungan boleh dikaut berlipat kali ganda dari biasa.

Perniagaan beliau mengambil masa lebih kurang setahun untuk berkembang ibarat cendawan yang tumbuh selepas hujan. Tiada sesiapa menyangka beliau mampu mempunyai aset sendiri pada usia 24 tahun seperti kereta dan rumah mewah yang dibeli secara tunai. Berbaloilah pengorbanan beliau mengetepikan kerjayanya. Beliau menapak dalam bidang perniagaan dari bawah dengan bermodalkan lebihan gaji bulanannya.

Berkat usaha keras, beliau mula dikenali dan dipercayai. Dengan ini, produk beliau menjadi pilihan pengguna. Sifat beliau yang mesra pelanggan membuatkan pelanggan berasa senang untuk membuat pembelian dan terus setia dengan produk tersebut.

Melihat dari segi percakapan dan personaliti, beliau seperti seorang anak yang solehah dan taat kepada keluarga. Rupa-rupanya, jangkaan ini benar. Beliau tidak pernah mengabaikan tanggungjawab terhadap ibu bapa beliau. "Berilah walaupun RM 10 kepada ibu bapa setiap bulan kerana harta kita bukan semuanya milik kita. Terdapat hak orang lain di dalam harta kita. Perkara inilah yang menjadi pegangan hidup saya," ujar anak tunggal ini. Beruntunglah ibu bapa Mira walaupun memiliki hanya seorang anak. Keberkatan dan doa ibu bapa membuatkan perniagaan beliau semakin berkembang maju.

Apabila semakin maju perniagaan, maka semakin ramai yang membenci. Begitulah yang berlaku kepada beliau. Ada pihak dan pelanggan mula mempertikai status halal produk tersebut sedangkan produk itu mendapat kelulusan dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Peniaga-peniaga dalam talian lain juga menggugat kepercayaan pelanggan beliau dengan memfitnah beliau mengedarkan produk tiruan. Pelanggan pun mula curiga dengan ketulenan produk beliau. Beliau tidak gentar malah terus melangkah jauh dalam bidang ini tanpa menghiraukan pihak yang cuba menjatuhkan beliau.

Setelah berjaya menempuh segala ujian dan dugaan, beliau mendapat idea baru dengan memiliki produk kecantikan miliknya sendiri.

Bukan mudah untuk menjadi pengasas produk sedangkan beliau baru setahun jagung dalam dunia perniagaan tetapi atas dorongan dan sokongan keluarga dan sahabat, beliau tetap bersemangat dan bersedia untuk merealisasikan impiannya dengan mencipta serum penjagaan kulit. Kini, beliau meluaskan empayar perniagaan beliau hampir ke seluruh negeri dalam Malaysia.

Kesimpulannya, usia dan status keluarga bukanlah menjadi faktor penghalang bagi seseorang itu mengecapi kemewahan hidup dan memiliki aset sendiri tanpa mengharapkan harta pusaka daripada keluarga.

Mulakan sesuatu perkara dari bawah, nescaya kita akan lebih menghargai kejayaan yang diperoleh. "Impian dan usaha harus diiringi dengan doa dan restu dari Illahi bagi mencari keberkatan hidup di dunia dan akhirat," nasihat beliau.

Yayasan USM bangunkan kewangan universiti



Pro-Canselor Universiti Sains Malaysia, Tan Sri Datuk Mustafa Mansur (kanan) menandatangani perasmian Yayasan USM. GAMBAR oleh Mohamad Hafiz Adisman

Majlis Pelancaran Yayasan Universiti Sains Malaysia (USM) telah berlangsung di Panggung Pelenggam Cahaya pada 6 November 2014 yang lalu.

Pelancaran Yayasan USM disempurnakan oleh Pro-Canselor merangkap Pengerusi, Lembaga Pemegang Amanah Yayasan USM, Tan Sri Datuk Mustafa Mansur.

Majlis turut dihadiri Naib Canselor, Prof Dato' Dr Omar Osman, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik Dan Antarabangsa), Prof Dato' Ahmad Shukri Mustapa Kamal, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal & Pembangunan Pelajar), Prof Dr Adnan Hussein, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof Dr Muhamad Jantan, Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat), Prof Dato' Dr See Ching Mey, Pendaftar USM, pegawai-pegawai utama universiti, wakil-wakil industri serta media.

Tan Sri Datuk Mustafa Mansur menjelaskan bahawa majlis tersebut menunjukkan keseriusan USM dalam merealisasikan cita-cita untuk membantu mereka yang memerlukan dan memanfaatkan peluang yang ada melalui jalinan dan jaringan kerjasama dengan pelbagai pihak untuk membantu pelbagai pihak lain.

"Yayasan USM memberi peluang kepada kita untuk menyatukan usaha penjanaan kewangan serta mengembleng sumber-sumber bagi mendapatkan dana u ntuk pembangunan universiti mahu pun untuk membantu mereka yang memerlukan dalam konteks pengajian tinggi kita ini", jelas Mustafa lagi.

"Yayasan USM ditubuhkan di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 (Akta 258) pada 31 Mac 2014 sebagai sebuah badan korporat bagi mendokong serta bergerak seiring bersama USM untuk merealisasikan usahanya untuk dalam memacu kecemerlangan melalui agenda APEXnya dengan berpegang kepada moto USM, Membina Masa Hadapan yang Lestari", tambahnya.

Menurut Prof Omar, budaya memberi perlu diterapkan dalam kalangan alumni dan masyarakat sekeliling.

"Saya fikir budaya memberi ini perlu kita suburkan dalam kalangan alumni dan masyarakat kita. Apabila kita bersatu hati, segala yang menjadi mudah. Padi segenggam akan menjadi segantang. Sikap murah hati kita sememangnya terbukti dalam pelbagai usaha yang kita buat selama ini", kata Prof Omar.

Yayasan USM wujudkan sembilan tabung

Oleh **MUHAMMAD HAFIZ ADISMAN**

Sebanyak sembilan buah tabung diwujudkan bagi pembangunan Yayasan Universiti Sains Malaysia untuk pelbagai tujuan dalam jangka masa panjang.

Menurut Naib Canselor USM, Profesor Dato' Omar Osman, sembilan buah tabung tersebut termasuklah Tabung Kursi, untuk membiayai ahli akademik ulung, dan ahli professional dengan tujuan khas bagi perkembangan dan perkongsian ilmu. Tabung Penyelidikan, untuk membiayai penyelidikan yang berkaitan dengan agenda kelestarian, Tabung Akademik dan Pengantarabangsaan untuk menyokong program akademik termasuklah program mobiliti staf akademik dan pelajar bagi pendedahan global dan Tabung Libatsama (Komuniti dan Industri) untuk menyokong program-program libat sama di antara universiti dengan komuniti dan industri.

Selain itu, turut diwujudkan ialah Tabung Bakat (Biasiswa dan Hadiah) untuk membantu sara hidup para pelajar yang memerlukannya, Tabung APEX untuk membiayai program-program di bawah agenda APEX dan Tabung Bangunan dan Penyelenggaraan untuk membiayai penyelenggaraan dan mencantikkan bangunan-bangunan yang sedia ada di dalam kampus dengan membeli peralatan serta membantu membiayai pembinaan bangunan baru bagi keperluan universiti.

Dua lagi tabung ialah Tabung Endowmen Islam yang bertujuan membiayai keperluan yang melibatkan Endowmen Islam dan Tabung Am untuk pembiayaan secara umum.

"Pada hari ini juga kita turut lancarkan Tabung Biasiswa/Dermasiswa Kasih USM untuk membantu pelajar kita yang keluarganya berpendapatan kurang dari RM1,000 sebulan", katanya.

Pengurus Yayasan USM, Mohd Rashid Abdul Rejab berkata objektif penubuhan Yayasan USM adalah untuk mendapatkan dana daripada pihak luar untuk membantu USM dalam bentuk kewangan dan sumbangan dapat mencapai visi dan misinya melalui projek yang telah dirancang.

Tambahnya lagi, ramai pelajar USM yang memerlukan biasiswa atau bantuan untuk yuran pengajian dan elaun sara hidup. Jadi, Tabung Bakat diwujudkan khusus untuk membantu pelajar.

Pelihara cinta ke landasan yang benar

Oleh **NUR FARZANA JASMI**

Rancangan Khidmat Masyarakat (RKM) Universiti Sains Malaysia (USM) telah mengadakan satu ceramah Tarbiyah Cinta pada 14 November lalu di Dewan Tuanku Syed Putra USM yang bertujuan mengenal cinta sebenar dari sudut Islamik.

Ceramah yang dimoderatorkan oleh juara Da'i Pendakwah Milenia musim pertama, Tajdid Hadhari tersebut disampaikan oleh dua ahli panel jemputan iaitu Pendakwah Bebas, Ustaz Abdul Hadi, dan juara Da'i Pendakwah Milenia musim kedua, Nik Ahmad Farhan itu mengupas tajuk cinta dari perspektif Islam.

Menurut Pengarah Projek, Emier Mohd Azmrin, tajuk demikian dipilih bagi membuka pandangan siswa-siswi untuk memperbaiki diri dari segi akhlak, sahsiah dan rohani.

Tambah beliau, nama 'Tarbiyah Cinta' dipilih sebagai tema ceramah malam itu kerana tema tersebut yang boleh dikomersialkan terutamanya di dalam USM. Tarbiyah dari perkataan bahasa Arab itu membawa maksud memelihara kerana setiap insan yang hidup di atas Bumi ini perlu memelihara sifat cinta.

"Oleh itu, tajuk ini dipilih untuk sama-sama kita mentarbiyah cinta kita supaya cinta kita ini tidak terkeluar dari landasan yang betul", katanya.

Dalam ceramah itu, siswa-siswi telah didedahkan untuk mendidik diri bercinta kepada cinta yang hakiki dahulu iaitu Allah kerana apabila cinta kepadaNya pasti akan didatangi cinta lain iaitu cinta duniawi.

Menurut Ustaz Abdul Hadi, cinta manusia adalah suatu abstrak yang susah untuk dinilai dan tersembunyi, dan untuk mengenal cinta manusia harus mengenal sang Pencipta dahulu. Manusia itu harus mendidik hatinya untuk mendapat keredhaan Allah.

"Cinta yang bersulam kepada nafsu akan menghasilkan duka, 'tarbiyah cinta' adalah untuk menuju ke destinasi yang kekal abadi iaitu syurga", katanya.

"Sayang-sayang Allah, rindu-rindu Rasulullah agar kita bahagia dunia dan akhirat", kata Nik Ahmad Farhan di akhir ceramah itu.

"Cinta adalah fitrah maka salurkan di tempat-tempat yang betul. Banyakkan beristikharah, untuk pohon pada Allah agar Allah berikan petunjuk yang terbaik. Wanita yang baik untuk lelaki yang baik, wanita yang jahat untuk lelaki yang jahat", tambah beliau.

Turut hadir Pengerusi RKM, Dr Normah Abdul Latip dan Yang Dipertua RKM, Koh Yong Lik.

Siswa-siswi tahun 1 kali pertama cuba pentas debat



Goh Sean Khai (berdiri), pendebat terbaik, bagi pusingan pertama mempunyai semangat tinggi dalam perdebatan.

Siswa-siswi tahun satu menonjolkan bakat perbahasan dan kepantasan pemikiran dalam Pertandingan Debat Mandarin Piala USM.

Pertandingan anjuran Unit Debat Persatuan Bahasa Tionghua (PBT) berjaya mendapat penyertaan 4 pasukan dari siswa-siswi tahun satu.

Menurut Pengarah Projek, Tan Ai Fen, projek ini bertujuan meningkatkan budaya perdebatan dalam kalangan siswa-siswi tempatan, di samping mengasah kefasihan bercakap dan kepantasan berfikir mereka.

"Pertandingan ini terbuka kepada siswa-siswi tahun satu sahaja. Kami ingin memberi peluang kepada mereka untuk mencuba dan melatih keberanian diri untuk bercakap di atas pentas", katanya.

Tajuk pertandingan pusingan pertama ialah Pelaksanaan GST: Kebaikan lebih atau keburukan? Para peserta telah memberi hujah dan perbahasan yang sengit dalam pendirian pasukan masing-masing.

Salah seorang pengadil, Huon Xie Kee berpendapat bahawa prestasi peserta tahun satu jauh lebih baik daripada jangkaannya. "Mereka tidak gugup pentas atau gementar semasa berbahas. Bagi saya mereka seolah-olah peserta yang sudah berpengalaman, namun setahu saya ini merupakan kali pertama mereka berdebat", tambah katanya.

Selain Huon, Perumahan, Bangunan dan Perancangan 3, tiga barisan pengadil yang lain ialah Tan Zhi Ying, Perumahan, Bangunan dan Perancangan 3, Bo Huey Ying, Pengurusan 4, dan Khoo Kah Hian, jurulatih debat dari Sekolah Menengah Persendirian Chung Ling Butterworth.

Goh Sean Khai, Ilmu Pendidikan 1, pendebat terbaik pusingan pertama berasa hairan tetapi gembira apabila sendiri terpilih sebagai pendebat terbaik dalam pusingan pertama. Menurut beliau, ini ialah kali pertama menyertai pertandingan debat.

"Biasanya saya suka berbincang dan berbahas dengan kawan. Tidak kira apa topik, saya suka berbahas dengan orang lain. Menerusi penyertaan diri dalam perdebatan, saya berharap sendiri dapat meningkatkan keupayaan berhujah lagi. Saya memang berminat dalam perdebatan dan akan meneruskan usaha saya dalam unit debat ini", jawabnya apabila ditanya sebab tujuan menyertai pertandingan.

Pusingan terakhir dijalankan pada 15 November 2014 bertempat di DK U. Sebarang maklamat lanjut sila rujuk kepada laman sesawang Unit Debat PBT, www.facebook.com/LiDaBianLunQuan.

Hari Keluarga PALAPES Darat erat hubungan

Sambutan Siswa-siswi tahun 1 kali pertama cuba pentas debat n Hari Keluarga Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) Darat Universiti Sains Malaysia (USM) yang diadakan di markas PALAPES USM potensi dalam mengeratkan silaturahim antara keluarga staf dan jurulatih bersama pegawai kadet.

Menurut Pegawai Rendah Kanan, Abi Zarin Taib, program sedemikian telah membuka ruang dan merapatkan jurang antara jurulatih dan pegawai kadet di samping dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan antara satu sama lain.

Bagi menghidupkan suasana hari keluarga, warga PALAPES Darat hadir dengan keluarga yang terdiri dari pelbagai bangsa dan peringkat umur sangat menunjukkan seperti perhimpunan keluarga yang besar.

"Sepanjang hari keluarga berlangsung, masing-masing dapat berkongsi pengalaman dan cerita sewaktu aktiviti gotong royong memasak dilakukan", katanya.

Berbagai juadah telah disediakan antaranya bihun goreng untuk sarapan, sementara bagi hidangan makan tengah hari telah disediakan nasi daging, lauk-pauk dan juga pelbagai jenis pencuci mulut.

Pada keseluruhannya semua yang hadir berpuas hati dengan hari keluarga yang diadakan. Antara mereka yang melahirkan pendapat ialah Ketua Jurulatih PALAPES Darat USM, Mejar Haris Padhzilah, bersetuju agar kegiatan sebegini sesuai diadakan bagi mengeratkan hubungan silaturahim serta dapat memberi peluang kepada ahli keluarga untuk turut serta dalam dalam aktiviti PALAPES.

Hari Keluarga PALAPES Darat bermula seawal jam 7.00 pagi dan tamat pada 4.00 petang.

Malam Kung Fu sasar 1,000 penonton

Kelab Kung Fu sasarkan 1000 penonton hadir pada Malam Kung Fu ke-38 yang dijangka diadakan pada Mac 2015 di Dewan Tuanku Syed Putra (DTSP).

"Malam Kung Fu ialah acara tahunan dianjurkan oleh kelab kami, setiap tahun kami menjanjikan kelainan untuk menarik penonton menghadiri acara ini", kata Timbalan Ketua Projek, Tang Heng Yao semasa sesi pemilihan ahli jawatankuasa.

Menurutnya, pencarian ahli jawatankuasa Malam Kung Fu dibuat seawal November agar setiap bahagian dapat menjalankan tugas masing-masing selepas mendapat ahli.

"100 orang diperlukan untuk mengisi kekosongan tersebut namun kami menerima lebih 300 orang termasuk daripada bukan ahli Kelab Kung Fu dan bukan berbangsa Cina", tambahnya.

Pemilihan ahli jawatankuasa tersebut meliputi bahagian penajaan, reka bentuk, publisiti, protokol, hiasan, acara, logistik, tiket dan multimedia dijalankan selama tiga hari bermula 12 hingga 14 November di bilik Kelab Kung Fu, Kompleks Cahaya Siswa.

"Kelab Kung Fu terdiri daripada lima bahagian iaitu Taiji, Wushu, Shaolin, Gendang, Tarian Singa dan Naga, setiap bahagian akan membuat persembahan di Malam Kung Fu malah persembahan gabungan juga bakal dipersembahkan", jelasnya.

Permainan tradisional hangatkan suasana karnival

Pada 6 November yang lalu berlangsung Karnival Permainan Tradisional Ekspo Konvokesyen Universiti Sains Malaysia (USM) di Tapak Konvo USM.

Karnival ini dihadiri oleh siswa-siswi dan orang awam. Menurut Timbalan Ketua Jabatan Aktiviti dan Keceriaan Ekspo, Nasruldeen Anuar, hampir 30 orang peserta terlibat dalam aktiviti yang dijalankan. Antara aktiviti yang dijalankan ialah permainan batu seremban, congkak dan dam haji.

"Karnival ini disambut baik oleh pengunjung dan siswa-siswi. Ramai pengunjung singgah ke gerai untuk menyaksikan perlawanan yang berlangsung", jelas Nasruldeen.

Menurutnya lagi, karnival ini bertujuan memberi keseronokan dan ketenangan minda kepada siswa-siswi dan pengunjung.

"Semoga program ini memberi input yang berguna kepada siswa-siswi supaya tidak melupakan permainan tradisional. Diharap program ini akan diteruskan dalam Ekspo Konvokesyen yang akan datang dengan lebih banyak penyertaan", katanya.

Bakal guru dapat pendedahan

Bengkel Latihan Mengajar Persatuan Ilmu Pendidikan sidang 2014/2015 telah diadakan pada 5 November lalu bertempat di Dewan Kuliah U, Universiti Sains Malaysia (USM).

Bengkel ini bermatlamat untuk memberi pendedahan tentang persediaan sebelum latihan mengajar kepada siswa-siswi tahun akhir. Ia juga menyediakan peluang untuk pensyarah berkongsi pengalaman dan kemahiran mereka kepada siswa-siswi tahun akhir.

"Bengkel ini umpama taklimat kepada siswa-siswi tahun akhir untuk bersedia sebelum latihan mengajar. Ia berkenaan tarikh yang perlu diberi perhatian dan borang yang perlu dilengkapkan", menurut Pengarah Projek, Nur Alwani Muhammad.

Menurut Alwani lagi, program ini dianjurkan pada setiap tahun untuk siswa-siswi tahun akhir, namun kali ini bengkel ini akan disusuli dengan bengkel lain yang lebih bersifat praktikal. Namun, ia masih dalam perancangan.

Penganjuran bengkel ini adalah di bawah kelolaan ahli jawatankuasa Persatuan Ilmu Pendidikan yang terdiri daripada siswa-siswi tahun dua dan tiga. Ia juga dihadiri IIDA Di Damaiabadi yang merupakan pembekal alat bantu mengajar. Pembekal memberikan taklimat mengenai alat bantu mengajar dan mereka juga menawarkan harga yang lebih murah berbanding di pasaran luar.

Kecekapan tenaga pendukung sejahtera

Oleh **HEMAWATHI SOMASUNDHARAM**

Siswa-siswi Universiti Sains Malaysia (USM) disarankan untuk menyokong usaha pengurangan penggunaan elektrik demi membudayakan kelestarian menerusi kecekapan tenaga.

Pengarah Pusat Pendidikan, Latihan Tenaga Diperbaharui, Kecekapan Tenaga dan Teknologi Hijau (CETREE), Prof. Dr. Haslan Abu Hassan, di dalam ucapan menekankan tentang kecekapan penggunaan tenaga supaya tidak melibatkan kos yang berlebihan.

"Penggunaan tenaga secara tidak efisien memandu ke arah pembaziran sekaligus memakan jumlah kos yang tinggi. Statistik mencatatkan USM membelanjakan lebih daripada RM55 juta setahun hanya untuk membayar kos elektrik", kata beliau.

"Sedemikian itu, siswa-siswi harus menggunakan elektrik dengan cermat dan menggelakkan pembaziran untuk membantu usaha USM dalam penjimatan elektrik sebanyak 5 peratus iaitu, sebanyak RM2.75 juta setahun", ujar beliau.

Menurut beliau, penjimatan elektrik diusahakan rentetan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia yang menguatkuasakan pengurangan perbelanjaan sebanyak 5 peratus kos utiliti elektrik secara holistik pada tahun 2014.

> Statistik mencatatkan USM membelanjakan lebih daripada RM55 juta setahun hanya untuk membayar kos elektrik

Jombaca@USM pupuk minat membaca

Jawatankuasa Kempen Membaca, Perpustakaan Universiti Sains Malaysia (USM) telah menyediakan ruangan Jombaca@USM untuk memupuk minat membaca dalam kalangan siswa-siswi.

Menurut Pustakawan USM, Mohd Kamal Mohd Napiah, idea ruangan Jombaca@USM merupakan penambahbaikan yang dilakukan terhadap ruangan Jombaca@PHS. Jombaca@ PHS hanya menumpukan perhatian kepada kelompok pembaca dalam skala yang kecil dan beroperasi dari tahun 2009 hingga 2013.

"Ruangan Jombaca@USM terdiri daripada rak buku yang lama, kini telah digantikan dengan pondok di hadapan Perpustakaan Hamzah Sendut 1, USM. Siswa-siswi berpeluang untuk membaca dan mengambil buku-buku yang disediakan di ruangan tersebut", tambahnya lagi.

Perpustakaan USM juga memperkenalkan ruangan Book Lovers dan Donation Box melalui Jombaca@USM. Donation box merupakan kotak khas yang disediakan di PHS1, kafeteria Desasiswa Bakti Permai, dan kafeteria Desasiswa Restu untuk memudahkan siswa-siswi menderma bahan-bahan bacaan yang tidak digunakan lagi.

"Sebanyak 1,007 buah buku telah diderma dalam masa tujuh bulan bermula dari Mac hingga September 2014. Sebahagian daripada buku-buku tersebut akan didermakan kepada pusat sumber sekolah," jelas kamal.

Menurut Rasyiqah Rosli, Sains Fizik 3, ruangan Jombaca@USM ialah inisiatif yang baik kerana siswa-siswi berpeluang untuk berkongsi bahan bacaan antara satu sama lain seterusnya menyemai amalan membaca secara holistik.

Kamal berharap agar warga kampus akan bekerjasama dan memberikan sokongan dengan memdermakan bahan bacaan dari semasa ke semasa sekaligus menggunakan ruangan Jombaca@USM secara optimum.



BAHARU...Rak lama untuk ruangan Jombaca@USM digantikan dengan pondok di hadapan Perpustakaan Hamzah Sendut 1, USM

> Ruangan Jombaca@ USM terdiri daripada rak buku yang lama, kini telah digantikan dengan pondok di hadapan Perpustakaan Hamzah Sendut 1, USM. Siswa-siswi berpeluang untuk membaca dan mengambil buku-buku yang disediakan di ruangan tersebut

Perpustakaan USM buka peluang pameran

Perpustakaan Universiti Sains Malaysia (USM) membuka peluang kepada semua pusat pengajian serta sekolah-sekolah dari luar untuk membuat pameran di ruangan pameran yang disediakan.

Perpustakaan Hamzah Sendut 1 (PHS1), USM dengan kerjasama Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, USM mengadakan Pameran Arkeologi@USM bermula dari 3 November hingga hujung Disember 2014. Objektif utama pameran ini adalah mengetengahkan artifak-artifak bersejarah kepada siswa-siswi.

Menurut Pustakawan USM, Mohd Kamal Mohd Napiah, faktor utama pameran diadakan di PHS1 kerana lokasinya yang strategik. Malah, sebanyak 10 buah sekolah dari negeri JohorS, Kelantan, Terengganu dan Kedah telah mengadakan lawatan ke pameran arkeologi tersebut.

Guru pengiring dalam lawatan dari Sekolah Menengah Kebangsaan Padang Terap, Kuala Nerang, Kedah, Norziah Hassan berkata bahawa para pelajar telah memperoleh pendedahan yang mendalam mengenai sejarah arkeologi dan berpeluang melihat keadaan sebenar artifak bersejarah yang dipamerkan selain yang digambarkan dalam buku teks melalui ilustrasi.

"Kami berhasrat untuk mengadakan kolaborasi dengan pusat pengajian yang ingin mempamerkan hasil kerja siswa-siswi dari semasa ke semasa. Pihak yang berminat boleh menghubungi kami untuk tindakan yang selanjutnya. Peluang ini haruslah digunakan secara optimum kerana ia menjadi satu penghargaan kepada hasil kerja siswa-siswi jika dipamerkan untuk tatapan warga kampus," tambahnya lagi.



RINGKAS...kotak khas disediakan untuk menderma buku di hadapan Perpustakaan Hamzah Sendut I

> Kami berhasrat untuk mengadakan kolaborasi dengan pusat pengajian yang ingin mempamerkan hasil kerja siswa-siswi dari semasa ke semasa

Program keselamatan jalan raya ajar cara pemanduan berhemah

Sukarelawan Kampus Sejahtera dan Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar (BHEPP) dengan kerjasama Petron Malaysia Bhd serta Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR), Pulau Pinang akan menganjurkan *Road Safety Programme* pada 25 November 2014.

Tetamu kehormat yang akan hadir adalah Ketua Pengarah JKJR Malaysia, Dato Tam Weng Wah, Pengarah Keselamatan Jalan Raya Negeri Pulau Pinang, Muhamad Husni Mahmud, Pengurus Korporat Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar Petron, Lokman Hani dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal & Pembangunan Pelajar), Profesor Dr Adnan Hussein.

Menurut Pegawai Penyelidik Sukarelawan Kampus Sejahtera, Muhamad Nur Hazim Mazlan, program ini diadakan untuk meningkatkan kesedaran penunggang motosikal terhadap keselamatan diri dan pengguna jalan raya. Program ini terbuka kepada 100 siswa-siswi sahaja dengan menyasarkan penunggang motosikal kerana bersesuaian dengan objektif dan matlamat program ini.

"Kesedaran terhadap kepekaan keselamatan jalan raya amat penting kerana apabila timbulnya kesedaran dalam kalangan siswa-siswi semasa di dalam kampus maka mereka akan mengaplikasikannya di luar kampus dan selepas bergraduasi", katanya.

"Peserta harus melengkapkan tiga modul iaitu teori penungangan secara selamat mengenai keselamatan jalan raya, praktikal penunggangan secara selamat dan akhirnya mengikuti Majlis Perasmian Program Kempen Keselamatan Jalan Raya serta penyerahan cenderamata", katanya lagi.

"Selain itu, pameran turut akan diadakan yang melibatkan enam agensi iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Agensi Anti-Dadah Kebangsaan (AADK), JKJR dan dua ruang pameran dari Syarikat Petron di Kompleks Dewan Kuliah (DK). Manakala bagi pengunjung pameran pula, mereka boleh memenangi cabutan bertuah dan hadiah menarik seperti helmet, baucer minyak, kad Petron", jelasnya kepada Berita Kampus.

Sekretariat Keselamatan Jalan Raya Kampus akan ditubuhkan pada hari yang sama. Sekretariat ini akan berperanan secara aktif untuk menjalankan kempen keselamatan jalan raya di dalam kampus yang merangkumi banyak aspek seperti pejalan kaki, pemandu kenderaan dan bas.

Hari Keluarga matangkan siswa-siswi

Oleh **ALIANA HAMIMI AMRAN**

Hari Keluarga Kelab Penyayang berlangsung dengan meriah di Gertak Sanggul pada Sabtu, 8 November lalu. Projek tersebut memberi kesedaran kepada siswa-siswi mengenai keindahan dan kelestarian alam sekitar.

Program dirasmikan oleh Yang Dipertua Kelab Penyayang, Syamsul Ahmad Samsu yang mewakili penasihat, Prof. Madya Dr Azlina Azman kerana tidak dapat hadir atas urusan lain.

Tujuan program adalah mengeratkan hubungan antara siswa-siswi. Menurut pengarah program, Abdul Halim Ishak, program tersebut bukan hanya mengutamakan kepentingan manusia malah alam sekitar.

"Pantai Gertak Sanggul menjadi pilihan kami kerana pantainya sangat cantik dan jauh dari kesibukan bandar", tambah Halim.

"Aktiviti sukaneka pantai menguji kekuatan mental dan fizikan peserta di samping memupuk sikap bekerjasama. Dengan ini, sikap kerjasama dapat diterapkan dalam diri peserta", kata beliau.

"Kami berdepan dengan pelbagai cabaran dari segi kelancaran program, kewangan dan pendaftaran namun kesemuanya dapat diatasi dengan baik", kata pengarah program. Semua ahli jawatankuasa dan peserta memberi kerjasama baik dalam program itu.

"Saya sangat berharap agar siswa-siswi terus maju dan lebih berdaya saing. Selain dari akademik, siswa-siswi perlu lebih aktif dalam persatuan dan setiap program anjuran Universiti Sains Malaysia. Dengan ini, siswa-siswi dapat menimba ilmu kemahiran dan pengalaman baharu. Saya juga berharap supaya siswa-siswi dapat berkhidmat untuk masyarakat", jelas beliau.

Inspirasi tragedi MH370 bawa kemenangan

Universiti Sains Malaysia sekali lagi berjaya menaikkan reputasi apabila menjuarai 1World Culture anjuran Nilai University dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia pada 8 November lalu.

Menurut Pegawai Kebudayaan, Unit Kebudayaan dan Kesukarelawan, Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar (BHEPP), Muhamad Al Hafiz Md Sani, beliau mendapat inspirasi daripada kejadian MH370.

"Wau Bulan dan tarian Tibetan digunakan sebagai satu simbolik iaitu Wau Bulan menggambarkan kapal terbang yang hilang dalam perjalanan ke Beijing dan tarian masyarakat cina melambangkan negara China", katanya

"Saya juga menerapkan nilai kemanusiaan dan kasih sayang dalam koreografi. Namun begitu, saya membiarkan penganjur dan penonton yang menilai makna Wau Bulan", tambahnya lagi.

"Dalam kumpulan kami terdapat 14 orang yang terdiri 13 pelajar antarabangsa dan seorang warganegara Malaysia", jelasnya.

Menurut Pengarah Projek, Amberlicia Anthony Thane, kegembiraan dan keterujaan dirasakan kerana tidak jangka akan menjuarai pertandingan 1World dan turut memenangi kategori Koreografi Terbaik.

"Kami berlatih selama dua minggu sebelum pertandingan. Segala koreografi dihasilkan oleh koreografer kami iaitu Abang Nato", jelasnya.

"Kami menerima trofi, RM1,500 dan sijil penyertaan. Tempat kedua dimenangi oleh Universiti Putra Malaysia(UPM) dan tempat ketiga adalah Universiti Teknologi Petronas (UTP)", jelasnya kepada Berita Kampus.

"Pakaian kami berdasarkan pakaian tradisional Tibet manakala aksesori pada pakaian seperti jahitan manik dan butang dijahit oleh kami. Saya meletakkan harapan untuk memenangi pertandingan ini tetapi saya tidak memberikan tekanan kepada peserta yang lain. Tetapi kami berlatih bersungguh-sungguh dan akhirnya kami menjuarai pertandingan ini", tambahnya lagi.

"Segala penat lelah kami akhirnya terbalas juga dengan bergelar juara 1World Culture", jelasnya lagi.

Trivia uji tahap pengetahuan am

Adakah anda tahu lipas yang tiada kepala masih boleh hidup selama 9 hari? Adakah anda tahu manusia akan mati jika tidak tidur selama 10 hari? Adakah anda tahu siput boleh tidur selama tiga tahun?

Bagi menguji tahap kecerdasan minda siswa-siswi tentang pengetahuan am trivia (pengetahuan am yang jarang diketahui ramai), Unit Perpustakaan Persatuan Bahasa Tionghua telah mengadakan Pertandingan Pengetahuan Am Trivia agar siswa-siswi dapat meneroka pengetahuan baru selain dunia alam maya.

Menurut Pengarah Projek, Yin Fern Ai, beliau sebenarnya teruja dengan prestasi peserta kerana kebanyakan soalan dapat dijawab dengan betul, terutama pengetahuan bidang perubatan dan penjagaan.

Pertandingan ini dijalankan mengikut empat pusingan. Peserta akan disingkir jika gagal menjawab pada pusingan tersebut dan hanya lima orang peserta berjaya masuk ke pusingan terakhir.

Antara skop soalan pengetahuan am trivia ini meliputi bidang perubatan dan penjagaan, geografi, sejarah dunia, seni, kesasteraan, masakan, biologi, adat resam, sukan dan astronomi.

Pemenang Johan, Poon Yee Cheng, Sains Farmasi 2, tidak menjangka bahawa dirinya berjaya mendapat johan dalam pertandingan tersebut. Beliau berpendapat bahawa soalan-soalan yang ditanya adalah majmuk dan meliputi pelbagai bidang.

"Saya hanya tahu sebahagian jawapan, pertandingan ini telah memperluaskan pengetahuan am saya dengan lebih mendalam", tambahnya.

Naib Johan pula dimenangi oleh Chu Wen Sen, Pengurusan 3, dan tempat ketiga dimenangi oleh Toh Sin Guan, Sains Kajihayat 1.

Sukan eratkan hubungan siswa-siswi dan pengunjung



TANGKAS...antara pengunjung yang bermain *street soccer*


Pada 8 November yang lalu berlangsung program Street Soccer Ekspo Konvokesyen Universiti Sains Malaysia (USM) bertempat di tapak parkir Kompleks Eureka.

Menurut Timbalan Ketua Jabatan Aktiviti Ekspo Konvokesyen, Nasruldeen Anuar, seramai 40 peserta mewakili sembilan buah pasukan melibatkan diri dalam aktiviti ini. Kesemua peserta yang terlibat terdiri daripada siswa-siswi dan orang awam. Ramai pengunjung singgah menyaksikan perlawanan yang berlangsung. Program ini secara tidak langsung telah mewujudkan sebuah hubungan yang mesra antara siswi-siswi dan orang awam yang melibatkan diri.

"Tujuan program ini adalah untuk memeriahkan lagi Ekspo Konvokesyen seta mewujudkan semangat cintakan sukan. Program ini juga menjadi tarikan pengunjung yang datang ke tapak ekspo", tambahnya.

"Saya berharap semoga program ini mendapat input yang sangat bermanfaat kepada siswa-siswi dan mewujudkan semangat untuk terus bersukan bagi melahirkan generasi yang sihat dan cergas. Selain itu, diharap program ini akan diteruskan dalam Ekspo Konvokesyen yang akan datang dengan lebih banyak penyertaan lagi", katanya.

Retrain your brain



TITLE Think Like A Freak
AUTHORS Steven D. Levitt & Stephen J. Dubner
GENRE Economics
PUBLISHER Allen Lane 2014
REVIEWED BY Debra Wong Ser Lin

Sometimes, unconventional ways work best, and authors Steven Levitt and Stephen Dubner illustrate this concept brilliantly in their latest book, Think Like A Freak.

One illustration from the book that stuck to my mind was the story of how an unassuming young man from Japan managed to set a new world record for competitive eating in 2001, where he ate 50 hotdogs in 12 minutes. His amazing achievement astonished many people, as he essentially doubled the records that were set before him. How did he do it?

It turns out, as the authors of Think Like A Freak discover, that Takeru Kobayashi asked the right question when he trained for months in his apartment back in Japan: How can the elements of the hotdog, sausages and buns, be consumed faster?

Instead of relying on pure speed to eat the whole hotdog, he ate the buns and sausages separately. He swallowed the sausages whole while dipping the buns in water to make them easier to digest. Although it was a rather disgusting way to eat sausages, his method helped him save the time taken to chew the buns and sausages, and helped him win – and hold – the world record for another six years.

Levitt and Dubner analyse this real-life story and others like it in Think Like A Freak, where the basic premise of the book is that to solve problems that we face in our everyday lives, we need to think unconventionally.

In the book, they combine economic analysis, everyday observations, as well as human psychology to discover the barriers that stop people from thinking outside of the box, such as an unwillingness to ask simple questions and the fear of being ashamed.

According to them, when there barriers are present in people, it mentally blocks people from achieving their ends more effectively.

Among several suggestions that are present in Think Like A Freak to learn the art of thinking creatively are learning to say "I don't know" instead of faking knowledge about a subject, asking the right questions, thinking in an inquisitive manner like a young child, focusing on the incentives that drive people to make the decisions that they do, how to persuade people who don't want to be persuaded, and deciding to quit.

These unconventional suggestions that sound counter-intuitive at first are illustrated with vivid real-life case studies, such as how Zappos, an online store, retains quality employees by offering all trainee workers 200 US dollars to quit their job after their training period, or how scammers from Nigeria purposely make their scam emails very obvious and dumb so that they can identify really gullible people to become their next victims.

At first glance this book hardly sounds like an economic book – after all, Levitt and Dubner authored two other famous economic books, Freakonomics and Superfreakonomics, which were full of examples that linked seemingly unlinkable issues such as the rate of crime to the rate of abortion.

However, the beauty of this book is that the book is permeated with economic principles – such as incentives, cost, supply and demand and others, which are illustrated in a way that makes sense to layman readers – even the journalism student that wrote this review, who found herself laughing to many of the relatable stories.

Reading Think Like A Freak will not only keep you entertained and informed by interesting stories that happen around the globe, but it challenges you as the reader to consider different ways of looking and solving the phenomena that we observe in our daily lives.

IK FC platform serlah bakat

Indah Kembara Football Club (IK FC), sebuah pasukan hasil gabungan penghuni desasiswa lelaki IK yang dikendalikan dibawah Majlis Penghuni Desasiswa Indah Kembara (MPDIK) bertujuan menjadi platform mencari bakat baru dalam arena bola sepak.

IK FC ditubuhkan pada semester 2 sidang 2013/2014 namun beroperasi secara secara rasmi pada semester ini. Keahlian kelab ini adalah seramai 40 orang pemain di mana 25 orang merupakan pemain utama.

Pengurus pasukan, Muhammad Khairurridhwan Muhammad berkata pasukan ini adalah inisiatif penghuni desa untuk menaikkan nama desa disamping juga berkenalan antara satu sama lain. Disamping itu juga, ia menjadi platform untuk MPDIK mencari pemain bagi mewakili desa kelak.

"Saya berharap melalui penubuhan kelab ini ini boleh mengeratkan hubungan kami antara warga dan wujudnya persefahaman yang erat antara kami", ujarnya kepada Berita Kampus.

Kebanyakan pemain IK FC datang dari pelbagai latar belakang dan terdiri dari tahun pertama hingga empat tetapi ia didominasi oleh pelajar tahun satu.

Pemilihan pemain kelab ini telah dibuat secara rasmi setiap awal semester namun penyertaan masih terbuka jika ada penghuni Indah Kembara yang berminat.

Kos pengurusan kelab ini kebanyakan dibiayai oleh pemain kelab ini sama ada untuk jersi ataupun untuk tempahan padang.

"Kami banyak mengendalikan kelab secara sendiri namun pihak MPDIK turut memberi sumbangan terutamanya ketika Sukan Antara Desasiswa (SUKAD)", tambah Khairurridhwan.

Menurut ketua pasukan, Muhammad Hanif Mohd Saaid, mengendalikan pasukan ini tidak seperti yang di bayangkan kerana bilangan pemain yang agak ramai kadang kala menyukarkan pemilihan pemain kesebelasan utama. Namun dia berharap pasukan ini tetap teguh dan terus maju di masa hadapan.

Antara pencapaian tertinggi kelab ini sepanjang ditubuhkan ialah berjaya mara ke peringkat suku akhir dalam SUKAD.

"Walaupun tidak menang, ianya bukan penamat tetapi satu permulaan untuk terus berjaya", tambah Hanif ketika ditemui pada perlawanan persahabatan menentang Papadom FC.

> "Pasukan ini adalah inisiatif penghuni desa untuk menaikkan nama desa di samping juga berkenalan antara satu sama lain"

Realiti kewangan graduan



PENULIS buku dan blogger, Suzardi Maulan membuka minda siswa-siswi kepada pengurusan wang tujuh tahun selepas graduasi

Oleh **NABILAHAISAH TAWANG & NOR KHAMISAH SAIDIN**

Persatuan Mahasiswa Islam (PMI) Universiti Sains Malaysia (USM) telah menerima menganjurkan ceramah Pengurusan Kewangan Graduan Muda pada 12 November lalu di Dewan Pembangunan Siswa, Kompleks Cahaya Siswa.

Perunding kewangan bebas, Suzardi Maulan berkata realiti yang berlaku kini ialah ramai graduan boleh dikatakan tidak mempunyai pendapatan, pekerjaan, dan aset pada tahun pertama selepas tamat pengajian.

Dengan melihat kepada statistik jumlah pengangguran pada tahun 2013 iaitu melibatkan seramai 370 ribu orang atau lebih 50 peratus adalah graduan, beliau cuba mendekatkan siswa-siswi kepada ekonomi sebenar yang dialami graduan menerusi satu situasi antara majikan, pekerja, dan perbelanjaan gaji pertama.

"Graduan seharusnya membuat penyimpanan wang dari awal, melabur dan menceburi bisnes meskipun secara kecil-kecilan di peringkat universiti. Selain itu, penglibatan dalam mana-mana program atau seminar adalah amat penting bagi meningkatkan kemahiran seseorang", jelasnya lagi.

Menurut Pengarah Projek, Muhammad Amirul Hakim Azman, program sebegini diadakan bagi memberi kesedaran kepada siswa-siswi tentang kepentingan perancangan awal kewangan dan juga sebagai panduan pengurusan kewangan selepas bergraduasi.

"Saya berharap lebih banyak program sebegini dianjurkan pada masa akan datang mengikut keadaan semasa supaya siswa-siswa dapat bersedia lebih awal sebelum memasuki kehidupan yang sebenar", ujarnya.

Nadhirah Abd Aziz, Sains Kajihayat 3, berkata input daripada program ini amat bagus bagi siswa-siswi terutamanya dalam pengurusan kewangan selepas bergraduasi kerana realitinya kebanyakan siswa-siswi akan berhutang.

"Penceramah membuka mata saya terhadap realiti selepas bergraduasi. Melalui ceramah ini saya perlu membuat simpanan dengan lebih banyak lagi untuk masa akan datang", ujarnya.

Kampus Sejahtera pamer cara jimat air

Pameran Water Saving, Kluster Air anjuran Sukarelawan Kampus Sejahtera (SKS) telah diadakan di perkarangan dewan kuliah selama dua hari telah mendapat perhatian siswa-siswi Universiti Sains Malaysia (USM).

Menurut setiausaha pameran tersebut, Munirah Mohammad, pameran tersebut memberi pendedahan kepada siswa-siswi tentang penggunaan air yang betul dan lebih berkonsepkan lestari.

Program tersebut dijalankan dengan kerjasama Water Watch Penang yang telah berkongsi maklumat tentang kepentingan air kepada komuniti.

SKS menerangkan 10 cara untuk menjimatkan penggunaan air di sekitar kampus USM seperti, penggunaan pam tandas, mesin basuh, mencuci kenderaan.

SKS juga memperkenalkan cara penggunaan pam tandas yang lebih lestari iaitu mengunakan kuantiti air yang sedikit untuk membersihkan tandas dan ia telah menarik perhatian siswa-siswi.

> "SKS menerangkan 10 cara untuk menjimatkan penggunaan air di sekitar kampus USM"

UPACARA KONVOKESYEN KE-50 USM

Larian Jubli Emas sambil beramal

Larian Jubli Emas yang diadakan pada 9 November 2014 di Stadium Universiti Sains Malaysia (USM) bersempena Upacara Konvokesyen ke-50 telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada siswa-siswi USM.

Larian tersebut telah dirasmikan oleh Pengarah Pembangunan Pelajar, Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar (BHEPP) USM, Dr Nazarudin Zainun.

Menurut Timbalan Ketua Jabatan Aktiviti dan Keceriaan Ekspo, Nur Aqilah Mohd Azaman, acara ini bertujuan untuk menerapkan nilai kesukarelawan dalam kalangan siswa-siswi USM.

"Larian ini sebenarnya adalah satu acara amal. Yuran penyertaan bagi acara ini adalah RM7 namun sebahagian daripada yuran penyertaan ini akan didermakan kepada badan kebajikan yang terpilih iaitu Wisma Yatim Perempuan Islam Pulau Pinang", katanya

Tambahnya lagi, larian ini bermula dari Stadium USM pada jam 8 pagi dan berakhir di Tapak Konvo pada jam 10.30 pagi. Diikuti oleh aktiviti senamrobik yang diketuai oleh Kumpulan Adikarma.

"Ini kali pertama saya mengambil bahagian dalam aktiviti sukan di USM. Larian bersama-sama dengan orang ramai adalah satu pengalaman baru buat diri saya. Saya berharap USM akan terus mengadakan aktiviti sedemikian agar siswa-siswi dapat mengamalkan gaya hidup yang lebih sihat dan seimbang", kata Lim Kai Kee, Teknologi Industri 1.

Naib Yang Dipertua Majlis Penghuni Desasiswa (MPD) Restu, Najibah Ismail berkata acara ini bukan sahaja untuk menguji kecergasan fizikal siswa-siswa malah ia dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim dalam kalangan siswa-siswi tanpa mengira jawatan dan pusat pengajian.

"Acara ini diakhiri dengan penyerahan kutipan derma sebanyak RM750 kepada rumah anak yatim yang terlibat dengan beberapa cabutan bertuah. Selaku penganjur, saya amat berpuas hati kerana dapat melaksanakan acara ini dengan jayanya", tambah Aqilah lagi.

> Saya berharap USM akan terus mengadakan aktiviti sedemikian agar siswa-siswi dapat mengamalkan gaya hidup yang lebih sihat dan seimbang

Jangan keliru dengan tempat pinjaman alat sukan

Oleh **NG XIANG YI**

Berkenaan dengan kekeliruan tempat pinjaman alat sukan yang disampaikan oleh siswa-siswi, Berita Kampus telah bertemu dengan Penolong Pegawai Belia Sukan, Syed Mohd Fairuz untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang prosedur peminjaman alat sukan dan tempahan gelanggang.

Menurut Fairuz, sebenarnya segala maklumat perkhidmatan sukan di kampus dapat diakses melalui laman portal Pusat Sukan dan Rekreasi Universiti Sains Malaysia (USM).

Siswa-siswi boleh merujuk kepada laman web pusatsukan.usm.my untuk maklumat seperti waktu tempahan gelanggang, senarai peminjaman alat sukan dan kadar sewaan yang berkenaan.

TEMPAHAN GELANGGANG DAN PEMINJAMAN ALAT SUKAN

Terdapat tiga tempat utama dalam kampus yang sedia dengan perkhidmatan sukan iaitu Stadium USM (berhampiran dengan pintu pagar Bukit Gambir), stor sukan Padang Minden dan rumah kayak di Tasik Harapan.

Bagi segala urusan dengan tempahan gelanggang dan pusat senamrobik, siswa-siswi boleh membuat tempahan di Stadium USM mengikut waktu pejabat yang ditentukan.

Alatan sukan olahraga juga disimpan dalam stor Stadium USM.

Manakala bagi pinjaman alat sukan seperti bola sepak dan bola jaring, pinjaman perlu dilakukan di stor sukan Padang Minden.

Segala peralatan sukan akan disimpan dalam sana kerana situ merupakan stor sukan utama dalam kampus sejak dulu lagi. Rumah kayak pula menyediakan pinjaman kayak dan basikal untuk siswa-siswi.

Bagi siswa-siswi atau kelab yang ingin membuat tempahan gelanggang dan pinjaman alatan sukan pada masa yang sama, permintaan tersebut boleh dinyatakan dalam satu surat dan terus membuat tempahan di Stadium USM, mereka cuma perlu pergi ke stor sukan Padang Minden untuk mengambil alatan sukan dari pegawai sana dan tidak perlu membuat tempahan yang lain.

Menurut Fairuz, sebenarnya stor sukan di Stadium USM adalah lebih besar daripada stor sukan utama di Padang Minden.

Walau bagaimanapun, stor sukan Stadium USM hanya menyimpan alatan sukan dan kelengkapan yang berkaitan dengan sukan olahraga sahaja dan kini pun sudah penuh.

Namun, persoalan timbul kerana sesetengah alat sukan yang disimpan di Padang Minden jauh dengan tempat bersukan seperti bola jaring dan ping pong. Jarak jauh di antara Padang Minden dan Stadium USM akan menyusahkan siswa-siswi untuk bersukan.

"Setakat ini siswa-siswi terpaksa mengikut prosedur yang sedia ada dulu, kerana stor sukan Padang Minden ialah stor sukan utama dan segala alatan sukan disimpan di sana kecuali alatan olahraga.

Walau bagaimanapun, cadangan dari siswa-siswi untuk meletakkan alatan sukan berdekatan dengan tempat sukan saya akan bawa ke dalam mesyuarat yang akan datang bagi memudahkan siswa-siswi lagi", hujah Fairuz.

KUPON RENANG

Kini siswa-siswi yang ingin membeli kupon renang perlu mendapatkannya di Jabatan Bendahari, H23.

Jabatan Keselamatan (JK) tidak lagi menyediakan perkhidmatan menjual kupon renang kerana urusan kewangan adalah lebih sesuai diambil alih oleh Jabatan Bendahari (JB).

Pendapatan kewangan ini adalah disalurkan terus kepada akaun USM sebagai sebahagian pendapatan.

Menurut Fairuz, pertukaran ambil alih penjualan kupon renang ini adalah lebih menyenangkan urusan JB kerana JK sebenarnya memang tiada kena-mengena dengan penjualan kupon renang. Tambahan pula, penjualan wang yang diterima oleh JK juga akan disalurkan kepada Jabatan Bendahari pada akhirnya.

Apabila ditanya sebab dulu kupon renang dijual di JK, Fairuz berkata bahawa sebab pertama ialah waktu operasi di JK adalah lebih panjang dan siswa-siswa dapat membeli kupon juga di luar waktu pejabat.

Sebab kedua ialah Pusat Sukan sebenarnya tidak boleh berurusan dengan wang, maka penjualan kupon di JK adalah lebih selamat dan menyenangkan siswa-siswi.

Walau bagaimanapun, penjualan kupon renang kini diambil alih oleh JB adalah untuk memudahkan urusan eksekutif dan meringankan beban JK yang tidak berkaitan.

MASALAH YANG DIHADAPI

Menurut Fairuz, pusat sukan turut mengalami masalah terutama kes peminjaman alat sukan yang tidak dipulangkan oleh siswa-siswi sering berlaku. Tindakan akan diambil kepada siswa-siswi yang gagal memulangkan alatan sukan melalui hubung telefon atau surat amaran.

"Keadaan ini sering berlaku. Kami perlu mengambil masa lama untuk mengambil balik alatan yang dipinjam kerana kadang-kadang siswa-siswi ada yang tidak memberi respon."

Jika berlaku kehilangan alatan sukan yang dipinjam, siswa-siswi perlu membuat ganti rugi balik alatan tersebut. Namun, siswa-siswi tidak perlu ganti rugi jika alatan tersebut hanya rosak. Ia hanya perlu dihantar balik kepada pihak pusat sukan sahaja.

Kalah bukan bererti kalah tapi belum menang



GIGIH... Pasukan Hoki USM, Velfire tidak berputus asa walaupun kalah dalam Karnival MASUM 2014.

Karnival Sukan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) telah berlangsung pada 1 hingga 9 November di Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Bertema Bersatu Ke Arah Kegemilangan Sukan Universiti, MASUM telah disertai oleh 20 Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

Menurut Kapten Hoki Wanita USM, Norsyazana Ahmad Zamree, lapan pasukan hoki wanita telah menyertai MASUM dan dibahagikan kepada dua kumpulan.

"Pada peringkat pusingan awal USM bertemu UTeM dan menang dengan skor 6-0. Manakala pada peringkat suku akhir, USM tewas kepada UPSI dengan skor 9-1. Kami tidak puas hati kerana kalah di peringkat awal. Kami menjangkakan kami boleh mara ke peringkat akhir berdasarkan persediaan yang telah dilakukan", jelasnya.

"Sekarang, kami sedang membuat persiapan untuk menghadapi Pesta Hoki USM 2014 yang akan diadakan pada 4 hingga 7 Disember. Kami telah memulakan latihan setiap hari Selasa, Rabu dan Jumaat", tambahnya lagi.

"Kami meletakkan matlamat untuk memperolehi kejuaraan dalam pertandingan ini", jelasnya kepada Berita Kampus.

USM Joker tumpaskan Penang Barbarian



KETUA Pasukan USM Joker, Faizal Haramaini (merah) cuba dijatuhkan oleh pemain Penang Barbarian (biru) dalam perlawanan akhir Kejohanan Ragbi Tertutup Pulau Pinang. Gambar oleh Muhammad Suhaib Mohd Shapiee.

Pasukan ragbi Universiti Sains Malaysia (USM), The Joker telah menjuarai Kejohanan Ragbi Tertutup Pulau Pinang.

Ketua Pasukan, Mohamad Faizal Haramaini berkata ini ialah perlawan yang sengit antara pasukan The Joker dan Penang Barbarian.

"Pasukan kami diasak teruk oleh pasukan lawan pada separuh masa pertama dan kami terpaksa bertahan", jelasnya kepada Berita Kampus.

Menurut Faizal, pasukan mereka menghadapi masalah ketika latihan kerana terdapat pemain yang belajar di Kampus Induk dan Kampus Kejuruteraan.

Keputusan penuh USM Joker mengalahkan Penang Barbarian dengan mata 17 – 14. Terdapat lapan pasukan yang berdaftar.

"Saya cuba fahamkan corak permainan kepada setiap pemain semasa perlawanan persahabatan diadakan", katanya lagi.

Menurut Faizal pasukannya menggunakan wang dan kenderaan sendiri untuk menyertai pertandingan yang dianjurkan pihak luar.

"Saya berharap pasukan ragbi Joker dapat mengekalkan prestasi dan bersiap sedia untuk menghadapi pertandingan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM)", kata Faizal.

Bekas pemain USM Joker, Mohd Ariff Redza berkata perlawanan yang sengit dan corak permainan USM Joker terancang dan tersusun.

Menurut Ariff, USM perlu memandang serius tahap peningkatan pasukan ragbi USM Joker untuk pembangunan pada masa hadapan.

"Saya berharap ada pegawai sukan yang menumpukan perhatian khusus kepada pasukan rugbi USM", jelasnya.

USM cemerlang walau tanpa pemain lama

Atlet Universiti Sains Malaysia (USM) bukan sahaja mempamerkan peningkatan prestasi malah telah memberi komitmen yang baik diberikan semasa Kejohanan Karnival Sukan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) Fasa 2 2014.

Menurut ketua kontinjen atlet USM, Mustaffa Kamal Esa, berpuas hati dengan pencapaian atlet USM kerana menunjukkan semangat juang yang tinggi. Penghantaran atlet yang ramai pada Karnival Sukan MASUM Fasa II dapat memberi peluang kepada acara sukan lain untuk disertai dan dapat memberi peluang kepada atlet baharu USM.

"Acara sukan renang, karate dan bola keranjang telah menunjukkan peningkatan yang menarik kerana masing-masing berjaya membawa pulang pingat emas", kata Mustaffa.

Kejohanan yang berlangsung pada 1 hingga 9 November lalu di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah berjaya mengumpul sebanyak enam pingat emas dalam acara renang, karate dan bola keranjang (lelaki), sembilan pingat perak bagi acara renang, karate dan taekwondo dan tujuh belas pingat gangsa dalam acara renang, memanah dan taekwando.

"Walau bagaimanapun, masih ada acara sukan yang harus ditingkatkan kualiti dan prestasi permainannya agar dapat memungut lebih banyak pingat di kejohanan yang seterusnya", ujar beliau.

Atlet renang harumkan nama USM



BANGGA Lim Ping Ru (kedua dari kiri) bergambar dengan pasukan renangnya setelah meraih kejayaan untuk Universiti Sains Malaysia. GAMBAR oleh Ian Leondy

Oleh **HEMAWATHI SOMASUNDHARAM**

Lim Ping Ru berjaya meraih satu pingat emas, tiga pingat perak dan dua pingat gangsa untuk Universiti Sains Malaysia (USM) dalam acara renang sempena Kejohanan Karnival Sukan Universiti Malaysia (MASUM) Fasa 2 , 2014 pada 1 hingga 9 November yang lalu bertempat di Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

Usaha untuk memberikan yang terbaik kepada diri sendiri dan pasukan renang telah mendorong Ping Ru untuk bertanding dengan atlet handal dari tujuh Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) sehingga berjaya.

Walaupun, beliau bertanding buat kali ketiga dalam MASUM namun tetap mengharungi persaingan yang sengit.

Beliau telah bertanding dalam lima acara individu dan tiga acara secara berkumpulan. Menurutnya, sesi latihan persediaan bersama pasukan renang telah merakam seribu kenangan kepada diri beliau berikutan bakal bergraduasi pada tahun hadapan.

KEPUTUSAN KEMENANGAN LIM PING RU DALAM ACARA RENANG SEMPENA KEJOHANAN KARNIVAL SUKAN UNIVERSITI MALAYSIA FASA 2, 2014

PINGAT EMAS
- 200m Butterfly

PINGAT PERAK
- 100m Butterfly
- 4X100m Medley Relay
- 4X200m Medley Relay

PINGAT GANGSA
- 400m Individual Medley
- 4X100m Freestyle Relay